

# BAB TIGA

## **BAB TIGA : PROGRAM DAN MASALAH DAKWAH DI KALANGAN MAK NYAH MUSLIM DI KUALA LUMPUR.**

Dalam bab ini, penulis akan mengupas mengenai program-program dakwah secara langsung atau tidak langsung dan masalah yang timbul dalam usaha dakwah terhadap Mak Nyah muslim di Kuala Lumpur.

### **3.1 PROGRAM DAKWAH DI KALANGAN MAK NYAH MUSLIM DI KUALA LUMPUR**

Aktiviti dakwah di Malaysia mula mengalami perubahan dan perkembangan pada awal tahun 1970-an. Bermula dari saat itu kegiatan dakwah menjadi komprehensif dan meluas serta mendapat perhatian dari kalangan semua umat Islam. Kesedaran tentang perlunya dakwah telah mendorong kepada pertumbuhan badan-badan dakwah di Malaysia khususnya di Kuala Lumpur.

Tidak dapat dinafikan bahawa Kuala Lumpur menjadi tumpuan dakwah Islam di Malaysia kerana hampir kesemua badan dakwah di Malaysia berpusat di Kuala Lumpur atau persekitarannya. Dengan itu, Kuala Lumpur banyak menerima program-program dakwah yang dianjurkan oleh berbagai badan-badan dakwah.

Kajian ini melihat secara ringkas mengenai badan-badan dakwah di Kuala Lumpur dan bagaimanakah program-program dakwah sama ada secara langsung atau tidak langsung yang dilakukan oleh agensi kerajaan seperti Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Yayasan Dakwah Islam Malaysia (YADIM) dan badan

dakwah bukan kerajaan (NGO) seperti JEMAAH TABLIGH, Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Persekutuan Seruan Islam Selangor dan Wilayah Persekutuan (JAM'IYAH), Persatuan Ulama Malaysia (PUM) serta program dakwah orang perseorangan terhadap Mak Nyah muslim di Kuala Lumpur.

### **3.1.1 Program Dakwah Agensi Kerajaan**

Program dakwah secara khusus terhadap Mak Nyah muslim telah dilakukan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bermula pada tahun 1991. Antara program yang diadakan ialah membina hubungan baik antara Mak Nyah muslim dan pendakwah, ceramah agama, diskusi berkaitan dengan hukum Islam, majlis berbuka puasa dan kaunseling. Program ini telah dijalankan di Dewan Seminar, Pusat Islam, Kuala Lumpur. Bagaimanapun program ini telah dihentikan pada tahun 1997 kerana menghadapi beberapa masalah teknikal. Sehingga kini, program tersebut masih belum dijalankan semula.<sup>178</sup>

- a) Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)

Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) telah ditubuhkan pada tahun 1974. JAWI merupakan badan yang bertanggungjawab dan kuasa tertinggi bagi semua urusan Agama Islam di Wilayah Persekutuan.<sup>179</sup>

---

<sup>178</sup> Ustazah Norlida Yusof, Peg. Hal Ehwal Agama Islam (Sosial), JAKIM, temubual pada 15.7.2002

<sup>179</sup> Ustaz Zakaria Isa, Pengarah Bahagian Dakwah, JAWI, temubual pada 15.7.2002

Matlamat JAWI ialah ;<sup>180</sup>

- i. Untuk melahirkan sebuah masyarakat maju yang menjadikan Islam sebagai satu cara hidup yang sempurna berasaskan al-Quran dan al-Sunnah yang meliputi aspek sosial, politik dan ekonomi.
- ii. Melahirkan masyarakat yang terpelihara dari segi akidah dan syariat.
- iii. Mempergiatkan lagi aktiviti Baitulmal/zakat yang dapat menggerakkan dan memajukan umat Islam dalam bidang ekonomi.

Program-program dakwah dijalankan oleh Bahagian Dakwah, JAWI. Antara program yang dijalankan ialah program pendidikan Islam dari peringkat kanak-kanak hingga dewasa melalui institusi formal dan tidak formal seperti masjid, surau dan sekolah agama. Bentuk program yang dijalankan oleh bahagian dakwah JAWI lebih tertumpu kepada seminar, forum ,kuliah ,bengkel, kelas al-Quran dan Fardu ain.<sup>181</sup>

Program dakwah yang khusus untuk Mak Nyah muslim belum pernah dilaksanakan. Bagaimanapun Mak Nyah muslim terdedah dengan program dakwah yang dijalankan oleh JAWI melalui masjid (khutbah Jumaat, ceramah dan kuliah). Pendekatan isi dakwah mengenai isu-isu semasa seperti gejala kurang sihat adalah merangkumi semua pihak. Oleh itu, program dakwah yang dilakukan oleh JAWI

---

<sup>180</sup> Ibid

<sup>181</sup> Ustazah Endun binti Biran, Penolong Pengarah Dakwah, Bahagian Dakwah JAWI, temubual pada 15.7.2002.

melalui institusi formal atau tidak formal mampu menyuntik kesedaran semua pihak dan menarik umat Islam supaya mengamalkan cara hidup Islam yang sebenar.<sup>182</sup>

Jelasnya, Bahagian Dakwah JAWI telah memainkan peranannya dengan baik bagi memastikan semua golongan tidak tercicir dari memperolehi ilmu berkaitan Islam. Program dakwah yang dilakukan berterusan mengikut keperluan semasa, secara tidak langsung dilakukan terhadap semua masyarakat termasuklah Mak Nyah muslim.

b) Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM)

Idea penubuhan YADIM timbul berasaskan kepada desakan masyarakat pada awal tahun 1970-an.<sup>183</sup> Oleh kerana itu, pihak kerajaan pusat telah menuahkan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) pada 25 Januari 1974 yang berfungsi khusus dalam dakwah Islamiah. YADIM telah didaftarkan di bawah "Trust Incorporation Ordinance 1952", iaitu Akta Badan Gabungan Amanah 1952 yang bertanggungjawab secara langsung kepada Perdana Menteri.<sup>184</sup>

Secara umumnya matlamat utama penubuhan YADIM adalah berdasarkan hasrat untuk membina satu masyarakat Islam yang direndai Allah serta mengamalkan

---

<sup>182</sup> *Ibid*

<sup>183</sup> YADIM (1986), *Perasmian Pejabat Baru YADIM*, K.L : YADIM, h. 6

<sup>184</sup> *Ibid*, h. 3

segala suruhanNya dan meninggalkan segala laranganNya.<sup>185</sup> Sehubungan dengan itu, matlamat penubuhan YADIM digariskan seperti berikut;

- i. Untuk menggiat dan memusatkan lagi gerakan dakwah di negara ini.
- ii. Bagi mengatur, menyelaras dan memperkemaskan aktiviti-aktiviti dakwah disemua peringkat sama ada di peringkat Majlis Ugama Islam di setiap negeri atau di peringkat badan-badan dakwah ataupun di antara pertubuhan dakwah sukarela yang tertentu di seluruh negara.
- iii. Untuk melaksanakan tugas dakwah supaya dapat mewujudkan satu umat yang kuat dan mulia serta dihormati oleh bangsa-bangsa lain di dunia ini.<sup>186</sup>
- iv. Mewujudkan tabung kewangan dan mengadakan pelaburan modal secara perniagaan yang boleh memberikan keuntungan kepada YADIM sebagai sumber bantuan kepada program-program dakwah dan projek kebaikan.<sup>187</sup>

Untuk merealisasikan matlamat tersebut, YADIM telah menumpukan kepada program dakwah yang berbentuk kursus, seminar, forum, simposium, bengkel, muzakarah dan ijtimā'. Sasaran dakwah mereka ialah ulamak, imam, pegawai agama, remaja, wanita, pemimpin politik, orang asli dan masyarakat umum. Selain dari itu, YADIM turut menjadikan aspek kebaikan dan kaunseling sebagai saluran

<sup>185</sup> T.p (1984), '10 Tahun Penubuhan YADIM', *Majalah Dakwah*. K.L : YADIM, h. 14

<sup>186</sup> YADIM (1974), *Penubuhan YADIM*. K.L : YADIM, h.8

<sup>187</sup> YADIM (1988), *op.cit* , h. 7

dakwahnya dengan memberikan sumbangan tertentu kepada golongan yang tidak bernasib baik.<sup>188</sup>

Menurut Ustaz Abdul Wahab bin Jalil Nur, program dakwah yang disusun khusus kepada Mak Nyah muslim tidak pernah dilaksanakan. Bagaimanapun ada di kalangan Mak Nyah muslim yang menyertai program-program dakwah yang dianjurkan sama ada di peringkat sekolah ataupun di pejabat-pejabat di mana mereka bekerja. Melalui program tersebut, pendakwah dapat membina hubungan baik dengan mereka dan secara tidak langsung menghilangkan perasaan prejudis terhadap pendakwah.<sup>189</sup>

Jelasnya, penubuhan YADIM adalah bertujuan untuk memperkembangkan syariat Islam secara menyelaras, memperkemas dan mempergiatkan program dakwah di Malaysia. Disamping berusaha mendapatkan kewangan untuk diagihkan bantuan tersebut kepada program-program dakwah dan kebajikan. Pendekatan dakwah YADIM merangkumi semua lapisan masyarakat termasuk Mak Nyah muslim. Mereka boleh memperolehi ilmu Islam dari pelbagai pendekatan yang dibuat oleh YADIM sama ada melalui siri ceramah, kuliah dan penerbitan buku-buku yang boleh didapati dalam pasaran.

---

<sup>188</sup> Ustaz Abdul Wahab bin Jalil Nur , Ketua Penolong Pengarah Bahagian Dakwah Pemasyarakatan, YADIM , temubual pada 15.07.2002

<sup>189</sup> *Ibid*

### **3.1.2 Program Dakwah Badan-Badan Bukan Kerajaan ( NGO)**

#### a) Jemaah Tabligh

Gerakan Jemaah Tabligh di Malaysia mempunyai kaitan yang rapat dengan gerakan Tabligh di India yang telah diasaskan oleh Maulana Muhammad Ilyas (1885–1944) di sebuah kawasan di Selatan Delhi yang bernama Mewat pada tahun 1927.<sup>190</sup>

Golongan yang mula-mula memberi perhatian terhadap rombongan Jemaah Tabligh yang tiba di Malaysia ialah dari kalangan peniaga-peniaga India muslim yang tinggal di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang dan seterusnya menjadi penggerak Jemaah Tabligh di Malaysia.<sup>191</sup>

Secara umumnya matlamat Jemaah Tabligh adalah untuk mengajak manusia kembali ke jalan Allah dengan menyuruh melakukan kebaikan dan kebajikan serta melarang dari melakukan perbuatan yang bertentangan dengan ajaran Islam.<sup>192</sup>

Gerakan dakwah Jemaah Tabligh secara ringkasnya menitik beratkan kepada persoalan enam prinsip asasi untuk dihayati dan diamalkan oleh setiap umat Islam iaitu persoalan akidah dan keimanan, persoalan ibadat dan sembahyang, ilmu dan

<sup>190</sup> Syed Abu al-Hassan Ali al-Nadwi (1979), *Life And Mission of Maulana Muhammad Ilyas*. Muhammad Asif Kidwai (terj.), Lucknow India : Academy of Islamic Research and Publication, h. 23.

<sup>191</sup> Mohamad Ghazali bin Ali (1982), "Pergerakan Jemaah Tabligh Kuala Lumpur. Satu Kajian Ke Atas Pemikiran, Organisasi Dan Teknik Kerjanya" (Tesis Diploma Pentadbiran Awam, Universiti Malaya ), h. 34

<sup>192</sup> Abdul Rahman Haji Abdullah, Dr (1992), *Gerakan Islam Tradisional Di Malaysia, Sejarah Dan Pemikiran*. K.L : Penerbitan Kintan, h. 18

zikir, persaudaraan dalam Islam, keikhlasan niat dan dakwah. Jemaah tabligh berpendapat bahawa enam prinsip asasi ini amat penting untuk diamalkan oleh umat Islam khususnya ahli Jemaah Tabligh sebagai asas bagi membentuk individu umat Islam yang sebenarnya.<sup>193</sup>

Jemaah Tabligh menggunakan pendekatan dakwah yang menekankan kepada iman dan amal. Mereka bergerak secara sukarela tanpa dibatasi oleh perbezaan bangsa, bahasa dan sempadan geografi. Antara program-program dakwah yang dilakukan oleh Jemaah Tabligh ialah mengadakan *bayan* (ceramah umum) *ta'lim* dan *ta'lum* (mengajar dan belajar), *tasykil* (mengajak orang ramai khususnya ahli agar keluar 3 hari, 10 hari atau 40 hari ), *gasy* (keluar menemui orang ramai dan mengajak mereka sama-sama meramaikan masjid, mendengar *ta'lim* dan *bayan* seterusnya menyertai Jemaah Tabligh). Mereka juga sering mengadakan *ijtimak* iaitu perhimpunan pada peringkat tempatan, zon, negeri dan dunia.<sup>194</sup>

Program dakwah Jemaah Tabligh menumpukan terhadap keseluruhan orang Islam iaitu melakukan usaha dakwah dari rumah ke rumah dan ini secara tidak langsung melibatkan golongan Mak Nyah muslim. Bagaimanapun program dakwah khusus terhadap Mak Nyah muslim tidak diadakan.<sup>195</sup>

<sup>193</sup> Haji Roslan bin Abdul Majid, Tokoh Jemaah Tabligh, temubual pada 15.7.2002

<sup>194</sup> *Ibid*

<sup>195</sup> *Ibid*

Menurut Mohd Arip bin Zainal, Jemaah Tabligh berusaha untuk memperbaiki orang Islam tanpa mengira penampilan dan status. Jika dalam program ziarah ke rumah itu penghuninya adalah Mak Nyah muslim, maka Jemaah Tabligh tetap menyampaikan dakwah seperti masyarakat Islam yang lain juga.<sup>196</sup>

Menurut Haji Roslan bin Abdul Majid pula, walaupun Jemaah Tabligh tidak mengatur program dakwah khusus terhadap Mak Nyah muslim, tetapi mesej dakwah yang disampaikan bersesuaian juga dengan golongan mereka.<sup>197</sup>

Berdasarkan keterangan di atas, program dakwah yang dijalankan oleh Jemaah Tabligh ditujukan kepada seluruh umat Islam tanpa mengira keadaan sasaran dan secara tidak langsung merangkumi Mak Nyah muslim.

b) Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM)

Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) ialah sebuah pertubuhan yang telah diasaskan oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman al-Haj dan telah ditubuhkan pada 19 Ogos 1960. Kelahiran PERKIM merupakan perintis bagi pertubuhan khusus yang berdakwah kepada orang bukan Islam serta menjaga kebajikan saudara-saudara baru.<sup>198</sup>

<sup>196</sup> Mohd Arip bin Zainal, Tokoh Jemaah Tabligh, temubual pada 15.7.2002

<sup>197</sup> Haji Roslan bin Abdul Majid, *op.cit.*

<sup>198</sup> PERKIM (Risalah), *Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia*, h.3

Matlamat penubuhan PERKIM ialah;<sup>199</sup>

- i. Menjalankan dakwah kepada orang-orang Islam dan bukan Islam dengan cara positif dan berkesan.
- ii. Memberi, mengurus dan menjalankan program pendidikan Islam menerusi semua media dan cara yang sah di sisi undang-undang kepada mereka yang memerlukan terutama saudara baru.
- iii. Mewujudkan kerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan dan badan-badan agama Islam yang lain demi kemajuan agama Islam.
- iv. Menjalankan lain-lain kegiatan demi kepentingan dan kemajuan Islam.

Aktiviti PERKIM lebih tertumpu kepada kebajikan, dakwah dan pendidikan. PERRKIM juga bekerjasama dengan pertubuhan kebajikan Islam yang lain. Dakwah kepada non-Muslim memang menjadi fokus utama dalam usaha membantu perkembangan masyarakat muslim di negara ini.<sup>200</sup>

Mengenai program dakwah terhadap Mak Nyah muslim, Cik Nasmi binti Mohd Nawi berkata, setakat ini program dakwah yang disusun terhadap Mak Nyah muslim tidak pernah dilakukan memandangkan pendekatan dakwah PERKIM lebih tertumpu kepada saudara baru dan orang bukan Islam. Namun demikian usaha dakwah yang berterusan melalui pelbagai kaedah sedikit sebanyak merangkumi golongan minoriti ini. PERKIM sentiasa komited dalam menyampaikan dakwah

---

<sup>199</sup> PERKIM (1991), *Perlembagaan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia*, PERKIM, Perkara 5, .h.2

<sup>200</sup> PERKIM (Risalah), *op.cit*, h. 3

kepada semua lapisan masyarakat termasuk Mak Nyah muslim yang hadir untuk mendapatkan bimbingan tentang Islam. Oleh itu PERKIM tidak pernah meminggirkan golongan ini dalam program-program dakwah yang dijalankan.<sup>201</sup>

Dari keterangan di atas, dapat diambil kesimpulan bahawa PERKIM sentiasa membuka pintu kepada sesiapa yang mahu menerima dakwah. Malah usaha yang berterusan melalui pelbagai pendekatan setakat ini telah banyak mendatangkan hasilnya samada kepada saudara kita bahkan golongan Mak Nyah.

c) Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)

Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) telah ditubuhkan pada 6 Ogos 1971 dan didaftarkan di bawah Pendaftar Pertubuhan secara rasmi pada tahun 1972.<sup>202</sup> Sejarah kelahiran ABIM mempunyai hubungan erat dengan gerakan Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM). Ini adalah kerana sebahagian besar pendokong ABIM pada awal penubuhannya merupakan alumni aktivis-aktivis dalam PKPIM yang meneruskan perjuangan mereka di peringkat kebangsaan.<sup>203</sup>

<sup>201</sup> Cik Nasmi binti Mohd Nawi, Pegawai Dakwah dan Penyelidikan , PERKIM, temubual pada 16.7.2002

<sup>202</sup> Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), <http://www.jaring.my/abim/>, 22 .7. 2002

<sup>203</sup> Mustaffa Kamil Ayub (1994) *Menangani Cabaran Membina Kecemerlangan Tamaddun Ummah*, Petaling Jaya : Budaya Ilmu Sdn Bhd, h. 188

Matlamat penubuhannya ialah ;<sup>204</sup>

- i. Menegak, mengembang dan memperjuangkan cita-cita Islam sesuai dengan ajaran al-Quran dan al-Sunnah.
- ii. Menyatukan kegiatan dakwah Islamiah dengan cara yang progresif kepada seluruh lapisan masyarakat dengan syarat mendapat kebenaran dari Jabatan Agama Islam Negeri yang berkenaan.
- iii. Mengembeleng tenaga belia Islam seluruhnya untuk sama-sama bekerjasama memberi bantuan dan sokongan untuk meningkatkan taraf hidup di dalam semua lapangan .
- iv. Bekerjasama untuk mempereratkan hubungan dengan mana-mana badan yang mempunyai tujuan sejajar dengan ABIM tanpa mengira kaum bagi mewujudkan rasa persahabatan dan harmoni diperingkat kebangsaan dan antarabangsa.
- v. Mewakili belia-belia Islam di persidangan di dalam dan di luar negeri

Sebagai satu pertubuhan yang ingin mengembalikan Islam sebagai *ad-din* yang menjadi satu cara hidup dalam masyarakat, ABIM mengadakan berbagai-bagai program yang meliputi semua peringkat umur, status sosial dan profesional yang ada dalam masyarakat. Antara program-program ABIM ialah mengadakan kursus kepimpinan (tamrin), membentuk kumpulan usrah, seminar pelajaran dan pemikiran Islam, melibatkan diri dalam pencetakan buku-buku ilmiah, majalah (Risalah dan

---

<sup>204</sup> T.p ( 1989), *Perlembagaan ABIM*, K.L : Biro Penerangan ABIM Pusat, h. 2-3

Berita ABIM), kalendar Islam dan kad ucapan hari raya, mewujudkan koperasi Islam (KBI), Taman Asuhan kanak-kanak dan sekolah rendah dan menengah Islam serta Institut Pengajian Ilmu-Ilmu Islam (IPI) untuk menangani isu pendidikan.<sup>205</sup>

Program dakwah yang disusun khusus untuk golongan Mak Nyah belum pernah diadakan. Bagaimanapun program dakwah yang dijalankan terbuka kepada semua golongan dan ini secara tidak langsung merangkumi golongan Mak Nyah muslim. Penerbitan buku-buku dan majalah yang diedarkan turut terdedah kepada Mak Nyah muslim. Begitu juga kursus dan seminar yang dijalankan tidak tertumpu kepada golongan tertentu sahaja malah terbuka kepada semua lapisan masyarakat. Ini bermakna usaha dakwah secara tidak langsung telah dilakukan oleh ABIM terhadap Mak Nyah muslim.<sup>206</sup>

Jelasnya, ABIM bergerak sebagai satu pertubuhan dakwah yang aktif menjalankan program dakwah yang merangkumi aspek pendidikan, sosial, ekonomi, penerbitan dan sebagainya. Program-program dakwah ini secara tidak langsung mendedahkan tentang Islam kepada seluruh umat Islam termasuklah kepada golongan Mak Nyah muslim.

<sup>205</sup> Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), <http://www.jaring.my/abim/>, 22.7.2002

<sup>206</sup> Ustaz Rumaizudin bin Ghazali, Ketua Biro Dakwah, ABIM, temubual pada 23.7.2002

d) Persekutuan Seruan Islam Selangor dan Wilayah Persekutuan (Jam'iyah)

Persekutuan Seruan Islam Selangor dan Wilayah Persekutuan (Jam'iyah) merupakan pertubuhan dakwah tertua di Malaysia. Ia telah ditubuhkan pada 12 Jun 1950.<sup>207</sup> Matlamat penubuhannya ialah ;<sup>208</sup>

- i. Menjalankan dakwah Islam kepada orang-orang Islam dengan maksud menambahkan pengetahuan tentang pengajaran Islam dan usaha dakwah juga tertumpu kepada orang-orang bukan Islam.
- ii. Mempertahankan, menegakkan dan mengembangkan Agama Islam dengan cara aman.
- iii. Menggalakkan amalan kebaikan antara umat Islam khasnya dan masyarakat umum amnya.
- iv. Mengembangkan dan memperluaskan kebudayaan Islam kepada ahli-ahlinya dan umat Islam keseluruhannya.

Antara program dakwah yang dijalankan oleh Jam'iyah ialah mengadakan rancangan-rancangan dan bantuan kebaikan am dengan memberikan bantuan wang dan material yang berfaedah kepada fakir miskin, anak-anak yatim, orang-orang tua dan cacat serta lain-lain penghuni institusi kebaikan. Jam'iyah juga mengadakan program ceramah, kuliah, usrah dan kursus-kursus motivasi. Selain dari itu Jam'iyah

<sup>207</sup> Jam'iyah, <http://www.jamiyah.org> , 23.7.2002

<sup>208</sup> Ibid

juga berusaha untuk mengadakan kerjasama dan perhubungan dengan badan-badan/pertubuhan-pertubuhan Islam yang lain bagi menjayakan usaha dakwah.<sup>209</sup>

Menurut Haji Milatusamsi bin Haji Hassan, program dakwah kepada Mak Nyah muslim secara langsung atau khusus tidak pernah diadakan, walaubagaimanapun program dakwah yang dijalankan adalah untuk semua lapisan masyarakat malah keanggotaan Jam'iyah tidak terhad kepada golongan tertentu sahaja. Ini bermakna program dakwah yang berterusan oleh Jam'iyah melalui pelbagai pendekatan, secara tidak langsung merangkumi golongan Mak Nyah muslim.<sup>210</sup>

Jelasnya, Jam'iyah sebagai pertubuhan dakwah tertua di Malaysia menggerakkan dakwah kepada semua lapisan masyarakat termasuklah Mak Nyah muslim sama ada secara langsung atau tidak langsung. Program dakwah yang dilakukan berterusan secara tidak langsung terdedah kepada seluruh umat Islam termasuklah Mak Nyah muslim.

e) Persatuan Ulama Malaysia (PUM)

Persatuan Ulama Malaysia (PUM) telah ditubuhkan pada 20 November 1974. PUM telah ditubuhkan secara rasminya dalam mesyuarat agung khasnya yang

---

<sup>209</sup> *Ibid*

<sup>210</sup> Haji Milatusamsi bin Haji Hassan, Setiausaha Agung, Jam'iyah, temubual pada 17.7.2002

pertama di Kolej Islam Kelang, Selangor. Draf Perlembagaan juga telah diluluskan di dalam mensyuarat tersebut.<sup>211</sup>

Matlamat utama penubuhan PUM adalah memikul tanggungjawab untuk menyebarkan agama Islam sebagai satu amanah dari rasulullah kepada para ulama.<sup>212</sup> Di dalam fasal 3 perlembagaan PUM ada menyatakan matlamat penubuhan PUM ialah;<sup>213</sup>

- i. Menyatukan ulama dalam harakah Islamiah dan menggembelingkan tenaga mereka untuk menegakkan syariat Islam dan mempertahankan kebenaran dan kemurnian ajarannya.
- ii. Meninggikan kedudukan dan taraf ulama di dalam masyarakat dan bekerjasama dengan persatuan Islam yang lain .
- iii. Menjalankan usaha-usaha kebajikan kepada ahli-ahlinya.
- iv. Menjalankan usaha-usaha penyelidikan ilmiah dan pengeluaran buku-buku yang sah di sisi undang-undang serta menghidupkan karya Islam yang lama.
- v. Meninggikan nilai-nilai akhlak dan rohani di dalam masyarakat dan membasmi puncpanca keruntuhan moral.
- vi. Memainkan peranan dan memberi bimbingan kepada masyarakat untuk membina dan membangun ummah menurut Islam.

---

<sup>211</sup> Persatuan Ulama' Malaysia, <http://ulama.Hypermart.net>, 22 Julai 2002

<sup>212</sup> *Ibid*

<sup>213</sup> *Ibid*

Antara program-program dakwah yang dijalankan ialah seminar ,kursus, ceramah, kuliah, menerbitkan buku-buku, khidmat kaunseling, kem bina insan dan sebagainya. Program seminar merupakan kegiatan utama PUM bagi menyampaikan dakwah dan pemikiran Islam kepada masyarakat. Program seminar yang di jalankan setiap tahun dan sentiasa mendapat sambutan yang menggalakkan dari masyarakat. Selain dari seminar, PUM juga menganjurkan kursus-kursus tertentu mengikut keperluan dan kesesuaian. Selain dari itu, pihak PUM banyak menerbitkan buku-buku bercorak agama yang boleh dibaca oleh semua golongan termasuk Mak Nyah muslim. Mereka boleh mendapatkan info mengenai Islam dari penerbitan tersebut. Bagaimanapun PUM akan memikirkan semula program yang khusus untuk golongan ini.<sup>214</sup>

Program dakwah terhadap Mak Nyah muslim tidak pernah dilakukan secara langsung. Ini berikutan program dakwah yang dianjurkan oleh PUM tidak menghadkan kepada golongan tertentu sahaja sebaliknya kepada seluruh orang Islam termasuklah Mak Nyah muslim. Mereka boleh menyertai sebarang bentuk program dakwah yang dijalankan dan pendekatan dakwahnya juga dirasakan bersesuaian dengan mereka.<sup>215</sup>

Jelasnya penubuhan PUM adalah untuk mengembeling tenaga ulama di dalam menegakkan syiar Islam serta berusaha untuk menyelesaikan permasalahan umat

<sup>214</sup> Persatuan Ulama' Malaysia, <http://info.E-ulama.org> , 22 Julai 2002

<sup>215</sup> Khairul Anwar Mustaffa, Setiausaha Eksekutif PUM, temubual pada 22.7.2002

khususnya yang berkaitan dengan agama Islam melalui program yang dijalankan sama ada secara langsung atau tidak langsung.

### **3.1.3 Program Dakwah Orang Perseorangan**

Penulis berjaya menemui dua orang pendakwah yang bergerak secara bersendirian menyebarkan dakwah terhadap Mak Nyah muslim di Kuala Lumpur.

a) Ustaz Amir Husin bin Zainal Abidin

Ustaz Amir Husin bin Zainal Abidin merupakan pendakwah bebas yang bergerak secara aktif menyampaikan dakwah kepada orang Islam di pejabat, rumah, dewan, surau dan masjid. Antara program dakwah yang dijalankan ialah kelas bimbingan al-Quran dan fardu ain, ceramah umum serta perbincangan.

Program dakwah khusus terhadap Mak Nyah muslim di Kuala Lumpur telah dimulakan pada tahun 2000. Program ini dilakukan di rumah salah seorang dari Mak Nyah muslim. Antara program yang dijalankan ialah;<sup>216</sup>

i. Membina hubungan peribadi

Membina hubungan peribadi bertujuan untuk melahirkan perasaan percaya dan melenyapkan perasaan prejedis terhadap pendakwah. Ini dilakukan dengan

---

<sup>216</sup> Ustaz Amir Husin bin Zainal Abidin, Pendakwah bebas, temubual pada 15.4.2002

mengadakan perbualan biasa di samping cuba menolak salah faham mereka terhadap pendakwah. Kepercayaan yang wujud dalam diri Mak Nyah terhadap pendakwah memainkan peranan yang besar untuk mempengaruhi mereka. Justeru itu sikap rasional sering dipamerkan bagi menarik minat Mak Nyah muslim terhadap cara hidup Islam.

ii. Kelas al-Quran dan Fardu Ain

Kelas al-Quran dan Fardu Ain ini dilakukan sekali seminggu pada setiap hari Isnin mulai pukul 9.00 malam hingga 10.30 malam. Kelas ini berkisar tentang hukum-hukum tajwid dan perkara-perkara asas dalam Tauhid, Fekah dan Tasauf. Program ini bagi mendedahkan mereka tentang tanggungjawab dan amalan-amalan harian yang mesti dilakukan oleh setiap orang Islam.

iii. Perbincangan tentang Islam

Perbincangan tentang Islam sering dilakukan dalam suasana harmoni bagi mengelakkan mereka tersinggung. Penekanan tentang wahyu dan kerasulan adalah untuk memberi kefahaman bahawa Islam berasal dari Allah dan keaslian sumbernya iaitu al-Quran. Di samping itu juga, penjelasan tentang keistimewaan Islam dan keuntungan-keuntungan yang akan didapati apabila kita mengamalkan ajaran Islam serta menolak tanggapan negatif terhadap Islam. Ini dilakukan supaya mereka sedar tentang peranan dan matlamat hidup seorang muslim.

iv. Lawatan ke rumah Mak Nyah muslim yang lain.

Program lawatan ke rumah Mak Nyah muslim lain dilakukan pada setiap bulan. Ini dilakukan sama ada kerana kematian, sakit, kenduri dan sebagainya. Program ini bertujuan untuk menampilkan keperihatinan Islam terhadap semua golongan dan merapatkan hubungan antara mereka melalui program ini. Di samping itu mendidik mereka tentang tanggungjawab sesama manusia khususnya sesama Islam. Situasi ini dapat memupuk kerjasama yang lebih utuh antara mereka dan secara tidak langsung memikat mereka kepada mengamalkan cara hidup Islam.

b) Ustaz Ismail bin Noh

Ustaz Ismail bin Noh merupakan pendakwah yang telah lama terlibat dengan golongan Mak Nyah muslim. Beliau merupakan pendakwah yang mempunyai hubungan yang rapat dengan Mak Nyah muslim. Program dakwah yang khusus untuk golongan ini bermula pada tahun 1999. Antara program dakwah yang dijalankan ialah;<sup>217</sup>

i. Dakwah Melalui Pergaulan

Pergaulan yang baik dibina bagi mewujudkan kemesraan dengan golongan Mak Nyah muslim. Cara ini dilakukan bagi megenal pasti latar belakang, emosi,

---

<sup>217</sup> Ustaz Ismail Noh, Pendakwah bebas, temubual pada 15.4.2002

pegangan, dan cara hidup mereka yang sebenar. Dengan cara ini beliau akan mampu menyerap akidah dan syariat Islam ke dalam jiwa mereka dengan lebih baik lagi. Di samping itu juga, beliau cuba mempamerkan teladan yang baik bagi menarik minat mereka kepada dakwah dan menghilangkan perasaan prejedis dan negatif terhadap pendakwah. Imej sebagai seorang muslim mithali yang mempraktikkan ajaran Islam dilakukan dengan sebaik-baiknya. Fenomena ini secara tidak langsung mempamerkan cara hidup yang dikehendaki oleh Islam dan menjadi model kepada mereka.

ii. Dakwah melalui perbincangan.

Dakwah melalui perbincangan sering dilakukan sama ada secara bersemuka ataupun melalui telefon. Penekanan isi kepada persoalan semasa menjadi keutamaan di samping mengaitkan dengan kehendak Islam. Pendedahan tentang perlunya cara hidup Islam diamalkan bagi menyelamatkan manusia dari diseka oleh Allah di samping berbincang secara terbuka mengenai hikmah setiap larangan Allah. Perbincangan ini dapat mengelakkan persepsi negatif terhadap suruhan dan larangan Allah terhadap umat Islam.

iii. Dakwah melalui ziarah

Program ziarah ke rumah Mak Nyah muslim dilakukan sebagai usaha mendampingi mereka terutama apabila mereka sakit, bermasalah, memerlukan pertolongan dan sebagainya. Situasi ini boleh melapangkan dada mereka dan memberi ketenangan. Dalam masa yang sama beliau menceritakan tentang matlamat

kehidupan dan hak-hak sesama Islam di samping mempamerkan kelembutan Islam yang mampu menarik mereka ke arah cara hidup Islam.

Berdasarkan keterangan-keterangan di atas, hampir semua daripada badan dakwah yang bergerak aktif pada masa kini bermula dalam tahun 1970-an. Program-program yang dijalankan pula berkisar dalam kaedah yang sama iaitu ceramah, kuliah, seminar, kursus dan penerbitan sahaja. Ini seolah-olah mengulangi kembali program yang telah dilakukan oleh badan dakwah lain malah programnya bertindih dengan program badan dakwah yang lain.

Tumpuan dakwah juga adalah kepada sasaran yang sama seperti pegawai kerajaan, belia, non-muslim, saudara baru, pelajar sekolah dan golongan yang telah memberikan komitmen kepada Islam. Ini secara tidak langsung telah mengabaikan golongan minoriti yang juga memerlukan dakwah seperti Mak Nyah muslim. Situasi kurang sihat di kalangan badan-badan dakwah perlu dinilai semula bagi menjamin semua golongan masyarakat dapat mengikuti program dakwah dengan selesa. Bagaimana pun terdapat program dakwah yang khusus untuk mereka dilakukan oleh orang perseorangan tetapi masih diperingkat awal dan memerlukan sokongan pendakwah yang lain. Program yang dilakukan sedikit sebanyak telah membuka jalan kepada program dakwah yang lebih tersusun pada masa akan datang. Malah mereka cuba menghilangkan perasaan prejudis dan negatif yang selama ini bersarang di fikiran Mak Nyah muslim.

### **3.2 MASALAH DAKWAH DI KALANGAN MAK NYAH MUSLIM DI KUALA LUMPUR**

Masalah merupakan suatu perkara atau keadaan yang menimbulkan kesukaran atau kesulitan dan ia memerlukan kepada penyelesaian.<sup>218</sup> Dalam hal ini adakalanya masalah yang dihadapi akan menjadi cabaran besar menguji kemampuan dan ketabahan seseorang atau organisasi dalam menghadapi perkara-perkara yang berkaitan dengan pekerjaan, tugas, usaha dan sebagainya.

Berdakwah kepada Mak Nyah muslim juga mempunyai masalah-masalahnya yang tersendiri. Kajian ini akan melihat masalah dakwah di kalangan Mak Nyah muslim khususnya yang berkaitan dengan pendakwah, institusi dakwah, sasaran dakwah dan media dakwah sahaja.

#### **3.2.1 Pendakwah**

Pendakwah ialah orang berusaha mengajak orang lain kepada Islam dengan cara-cara tertentu. Dengan itu, pendakwah hendaklah mempunyai kelengkapan yang secukupnya sama ada berhubung dengan isi dakwah, latar belakang sasaran dan kelengkapan dirinya sendiri. Dalam hal ini, Wan Hussein Azmi menyatakan bahawa untuk menjamin kejayaan dakwah, pendakwah hendaklah memahami maksud al-Quran dan hadis, beramal dengan ilmunya, memiliki akhlak Islam yang sempurna dan

---

<sup>218</sup> Kamus Dewan Edisi Ketiga (1998), *op.cit*, h.863

mengetahui latar belakang sasaran, ilmu psikologi, ilmu sosiologi, sejarah, mazhab-mazhab dalam Islam serta geografi.<sup>219</sup> Jelasnya, jika dakwah tidak dilakukan dengan persiapan yang rapi, maka ia akan menimbulkan berbagai masalah khususnya dakwah terhadap Mak Nyah muslim. Antara masalah-masalah dakwah di kalangan Mak Nyah muslim ialah;

a) Kekurangan Pendakwah yang terlatih.

Kekurangan pendakwah yang terlatih merupakan persoalan yang telah lama wujud dan masih berterusan sehingga kini. Keadaan ini berlaku disebabkan tidak ramai pendakwah yang berani tampil menceburkan diri berdakwah kepada Mak Nyah muslim. Hal ini disebabkan sikap prejedis sesetengah pendakwah terhadap golongan minoriti ini. Tambahan pula, berdakwah kepada golongan ini memerlukan keberanian, kemahiran, kepintaran dan penampilan yang menarik. Kekurangan pendakwah yang terlatih ini menyebabkan kegiatan dakwah terhadap golongan ini tidak mendatangkan kesan seperti yang diharapkan.<sup>220</sup> Keadaan ini terbukti dari hasil kajian dengan borang soal selidik menunjukkan bahawa 25% daripada mereka menyatakan personaliti pendakwah membosankan. Ini merupakan cabaran yang besar kepada pendakwah kerana ia membayangkan kegagalan pendakwah membentuk personaliti yang menarik sebagai satu daya tarikan kepada sasaran dakwah untuk terlibat dalam kegiatan ini.

<sup>219</sup> Wan Hussein Azmi (1988), *op.cit.* h. 4-5

<sup>220</sup> Ustaz Abdul Wahab bin Jalil Nur, *op.cit.*

Menurut Dr. Hood Salleh, faktor-faktor yang menjadi punca kegagalan dakwah disebabkan oleh kurangnya kewibawaan pendakwah. Ini kerana pendakwah kurang melengkapkan diri dengan maklumat-maklumat asas tentang kerjanya dan sering bertindak dengan tidak tahu hujung pangkal terhadap kaedah yang digunakan.<sup>221</sup>

Sesetengah pendakwah hanya bergantung pada buku-buku *turath* (rujukan lama) sahaja untuk menambahkan ilmu pengetahuan mereka. Mereka tidak memandang kehidupan dan keadaan umat Islam pada masa kini terutama Mak Nyah muslim. Kekurangan ilmu pengetahuan tidak dinafikan merupakan satu masalah bagi pendakwah dalam melaksanakan tugasnya.<sup>222</sup>

Jelasnya, pendakwah tidak cuba menggunakan satu pendekatan dakwah yang bersesuaian dengan golongan sasaran. Mereka sendiri masih tidak mempunyai maklumat yang jelas tentang usul dakwah, strategi dakwah, isi dakwah yang bersesuaian dan bentuk program yang bersesuaian dengan sasaran. Akibatnya, ramai pendakwah seolah-olah meraba-raba dalam melaksanakan tugas ini.

<sup>221</sup> Dr. Hood Salleh (1991), “Dakwah Islamiah Dan Pembangunan Masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia”, *Islam dan Cabaran Isu Semasa*. Kuala Lumpur: DBP, h. 144

<sup>222</sup> Ustazah Endun binti Biran, *op.cit.*

b) Objektif dakwah yang tidak jelas

Pendakwah gagal menentukan dengan jelas tentang objektif program dan sasaran yang hendak dicapai melalui program tersebut. Mereka terus menyampaikan dakwah dengan pendekatan sendiri dengan tidak melihat kepada keadaan sasaran. Golongan sasaran tercari-cari objektif sebenar dari program yang disampaikan sehingga ada yang menolak terus program tersebut kerana perasaan prejudis.<sup>223</sup>

Jelasnya, pendakwah gagal memberi keyakinan kepada sasaran dakwah tentang objektif program dakwah yang dilakukan. Mereka menjalankan dakwah mengikut pendekatan yang sama terhadap semua sasaran. Hasilnya sasaran kabur dengan sesuatu program dakwah dan tidak mendatang minat terhadap program yang dijalankan.

c) Kurang pengetahuan tentang latar belakang sasaran

Pengetahuan yang terbatas terhadap sasaran dakwah adalah salah satu masalah yang mencacatkan gerakan dakwah. Pendakwah tidak mengenal pasti secara terperinci golongan sasaran dakwah dari sudut kumpulan umur, latar belakang, minat dan sebagainya supaya tumpuan program lebih memusat dan tertumpu kepada sasaran sahaja. Gaya persembahan dakwah yang tidak bersesuaian dengan sasaran menyebabkan sasaran menjadi bosan terhadap dakwah yang disampaikan.

---

<sup>223</sup> Ustaz Muzaini bin Abdul Rashid, Pegawai Dakwah, Bahagian Dakwah JAWI, temubual pada 15.7.2002

### **3.2.2 Institusi Dakwah**

- a) Kurangnya Program Dakwah terhadap Mak Nyah muslim

Program dakwah yang khusus kepada Mak Nyah muslim amat sedikit. Kurangnya kepekaan institusi dakwah terhadap golongan minoriti ini menyebabkan mereka terus hanyut dalam dunia mereka sendiri. Rata-rata badan dakwah menganggap dakwah umum terhadap masyarakat Islam sudah memadai dengan golongan ini memandangkan mereka juga beragama Islam. Walaupun mereka memeluk Islam, tetapi gaya hidup mereka bertentangan dengan ajaran Islam. Sikap mengambil mudah di kalangan badan dakwah dengan mengambil pendekatan dakwah yang sama kepada seluruh umat Islam, menjadikan golongan Mak Nyah muslim tercincir dari dakwah yang sepatutnya mereka perolehi.

Menurut Ustazah Endun binti Biran, penumpuan program dakwah yang dijalankan oleh badan-badan dakwah lebih tertumpu kepada persoalan semasa seperti persoalan remaja dan sumbang mahram. Ini menyebabkan program yang disusun terhadap Mak Nyah muslim amat berkurangan, malah program yang berkaitan persoalan semasa pun masih tidak dapat dilakukan sepenuhnya.<sup>224</sup>

---

<sup>224</sup> Ustazah Endun binti Biran, *op.cit.*

b) Masalah kewangan

Kewangan merupakan alat yang penting dalam usaha mempergiatkan aktiviti dakwah. Kekurangan kewangan di kalangan jentera dakwah merupakan satu masalah yang dihadapi oleh pertubuhan-pertubuhan dakwah. Dengan adanya masalah ini, banyak aktiviti tidak dapat dijalankan dengan sempurna dan diperluaskan. Situasi ini menyebabkan tenaga pakar dan teknologi moden dalam dakwah tidak dapat digunakan, kerana penggunaan tenaga pakar dan teknologi moden tersebut memerlukan sejumlah wang yang banyak.

Menurut Ustazah Norlida binti Yusuf, salah satu punca dakwah terhadap golongan Mak Nyah muslim tidak diteruskan oleh JAKIM pada tahun 1997 yang lalu, ialah kerana kekurangan peruntukan kewangan. Ini kerana program yang diatur memerlukan peruntukan kewangan bagi membiayai perbelanjaan program tersebut<sup>225</sup>

Jelasnya, tiadanya peruntukan kewangan merupakan masalah yang serius bagi institusi dakwah yang menjalankan kegiatan dakwah. Tanpa peruntukan kewangan, sudah tentu program dakwah yang dirancang tidak dapat dilaksanakan dan ini menyebabkan usaha dakwah terhadap Mak Nyah muslim tergendala.

---

<sup>225</sup> Ustazah Norlida binti Yusuf, *op.cit.*

c) Kelemahan Pengurusan Dan Pentadbiran Badan Dakwah

Kelemahan dalam bidang pengurusan dan pentadbiran oleh badan-badan dakwah adalah merupakan salah satu punca timbulnya masalah dakwah terhadap Mak Nyah muslim. Program dakwah yang dirancang tidak diurus dengan baik malah sikap mengambil mudah terhadap program yang dirancang menyebabkan pelaksanaannya amat mengecewakan. Percaturan badan dakwah untuk mencari populariti dengan mengenangkan isu-isu semasa sahaja, menyebabkan program yang dirancang tidak merangkumi semua golongan.

Selain daripada itu, maklumat yang tidak jelas tentang sesuatu program dakwah juga menyebabkan kurangnya penglibatan dari Mak Nyah muslim. Kegagalan mencetuskan minat sasaran dakwah untuk menyertai program dakwah adalah berpunca dari pengurusan dakwah yang tidak teratur. Justeru itu, badan-badan dakwah perlulah terlebih dahulu memberikan penerangan yang jelas bentuk, objektif, pengisian, tarikh, masa dan tempat sesuatu program yang akan diadakan. Dengan cara ini diharap akan dapat menarik lebih ramai Mak Nyah muslim menyertainya.

d) Ketidakselarasan Di Dalam Kerja Dakwah

Perbeaan pandangan di kalangan institusi dakwah memang tidak dapat dielakkan. Punca utama timbulnya perbeaan ini adalah disebabkan pertubuhan masing-masing memberi penekanan dakwah menurut sudut yang berbeza. Sehubungan dengan itu juga, kadangkala berlaku ketidakselarasan di dalam

melaksanakan kerja-kerja dakwah, di mana dakwah lebih tertumpu kepada satu-satu golongan sahaja dan menggunakan pendekatan yang sama seperti menganjurkan seminar, forum dan seumpamanya. Keadaan ini menyebabkan berlakunya kekosongan program dakwah untuk golongan minoriti ini oleh sesetengah badan dakwah. Jelasnya, institusi dakwah perlu mengambil kira semua golongan tanpa mengira gaya hidup mereka selagi mereka bergelar muslim.

### **3.2.3 Sasaran Dakwah**

- a) Kurangnya Penglibatan Mak Nyah Muslim dalam dakwah

Penglibatan Mak Nyah muslim dalam dakwah amat terhad. Mereka sering mengelakkan diri dari majlis-majlis ilmu yang dianjurkan kepada orang Islam oleh badan-badan dakwah kerajaan mahupun badan dakwah bukan kerajaan (NGO). Tambahan pula mereka kurang mengambil inisiatif sendiri untuk mendalami Islam dengan membaca buku-buku yang berkaitan yang terdapat dipasaran. Minat yang kurang ditambah sifat malu yang menebal dalam diri mereka menjadikan mereka tidak mahu melibatkan diri dalam sebarang program dakwah. Mereka sering mengambil sikap acuh tidak acuh kepada sebarang program dakwah sehingga kehadiran mereka dalam program-program dakwah amat terhad.

Menurut Ustaz Abdul Wahab bin Jalil Nur, penglibatan Mak Nyah muslim dalam program-program dakwah yang dianjurkan oleh YADIM amat terhad. Hanya

program-program dakwah yang dilakukan kepada pelajar-pelajar sekolah sahaja, terdapatnya penyertaan dari golongan ini.<sup>226</sup>

Kesedaran yang kurang di kalangan Mak Nyah muslim sendiri menyebabkan usaha dakwah menghadapi masalah. Penyertaan yang kurang memberangsangkan menyebabkan program dakwah khusus untuk golongan Mak Nyah muslim yang dianjurkan oleh JAKIM satu ketika dulu dihentikan.<sup>227</sup>

Jelasnya, penglibatan yang terbatas dalam program dakwah sama ada secara langsung atau tidak langsung menimbulkan masalah kepada penggerak dakwah. Program dakwah yang disusun perlu mendapat komitmen dari semua pihak terutamanya Mak Nyah muslim bagi memberi kesempatan badan-badan dakwah merancang program yang lebih efektif.

b) Terpengaruh Dengan Materialisme Barat

Dalam situasi Mak Nyah muslim terserap dalam arus nasional dan antarabangsa yang terisi oleh aktiviti perniagaan dan komersil, idea kemajuan Barat yang berpaksikan materialisme telah menguasai sebahagian besar kehidupan mereka. Sementara kekuatan ekonomi, peningkatan per kapita, penambahan kemampuan membeli-belah (*purchasing power*) yang dimiliki hasil dari pembabitan dalam

---

<sup>226</sup> Menurut Ustaz Abdul Wahab bin Jalil Nur, *op.cit.*

<sup>227</sup> Mimi Zarina, Pengurus Persatuan Mak Nyah (tidak diluluskan), temubual pada 18.7.2002

perniagaan sekalipun membantu merancakkan ibadat tertentu seperti zakat telah juga menambahkan kukuhnya budaya kebendaan. Tambahan pula media massa yang berkecenderungan terhadap materialisme tidak merupakan suatu sistem sokongan yang kuat kepada perkembangan dakwah. Apatah lagi terdapat di kalangan mereka yang memegang falsafah “ membujur lalu melintang patah”.

Babak-babak kehidupan Mak Nyah muslim yang ditempuhi, jelas memperlihatkan aliran kehidupan sosioekonomi yang berkembang di bawah naungan materialisme. Ini adalah sebahagian daripada fenomena universal apabila kepercayaan keagamaan ditandingi dan diatasi oleh sistem nilai yang lain.

Materialisme menular cepat dan mampu menjadi ideologi Mak Nyah muslim. Seandainya komitmen kebendaan sudah mencecah paras ideologi, maka penglibatan di dalam materialisme akan menguasai kehidupan sehingga keimanan dan keislaman terpinggir. Lantaran itu komitmen kepada agama yang sepatutnya wujud akan terpinggir. Beberapa gejala yang sudah dikenalpasti seperti sanggup mengadai maruah dengan menjadi pemua nafsu serakah orang lain demi mengejar kemewahan. Semua ini menjadi masalah dalam dakwah terhadap Mak Nyah muslim terutama mengubah persepsi yang kian terpalit pada jiwa mereka.

Jelasnya, pengaruh kebendaan telah merobek komitmen yang sepatutnya berpaksi kepada ajaran Islam. Norma-norma Islam semakin jauh ditinggalkan bagi merealisasikan materialisme barat mereka. Pengaruhnya sentiasa menghantui mereka melalui media yang tiada sempadan lagi.

c) Terlalu Mengikut Naluri

Sikap terlalu mengikut naluri menjadi punca masalah dakwah di kalangan Mak Nyah muslim. Naluri yang mencari keseronokan dunia semata-mata sehingga meminggirkan ajaran Islam yang diperolehi melalui pendidikan awal di rumah dan di sekolah.. Mentaliti mereka yang mahu mencari keseronokan di dunia membuatkan mereka hanyut dalam dunia mereka sendiri. Usaha dakwah yang dilakukan kepada masyarakat Islam secara keseluruhan tidak diambil kesempatan malah cuba mengasingkan diri bagi memastikan dorongan naluri itu tidak dihalang, malah ada di kalangan mereka merasa bangga menjadi seorang Mak Nyah.

Jelasnya, dorongan naluri yang tidak dapat dibendung oleh fikiran yang waras, menyebabkan mereka sanggup menggadai pendidikan awal yang disemai oleh ibu bapa dan guru-guru. Program dakwah menghadapi masalah bila Mak Nyah muslim terlalu taksub dengan nalurinya.

d) Kesukaran Dalam Mengamalkan Ajaran Islam

Kesukaran mengamalkan ajaran Islam menjadi kunci kegagalan dakwah meresap masuk ke dalam hati golongan ini. Mereka sering tersepit antara kehendak naluri dan hukum Islam. Lantaran itu mereka yang berada dalam dilema mengambil mudah setiap suruhan agama. Kesukaran itu berpunca dari kejahilan dan desakan naluri yang terus mempertahankan identitinya itu. Oleh itu sembahyang Jumaat yang

diwajibkan ke atas setiap kaum lelaki diabaikan lantaran mereka menganggap diri sebagai perempuan dan merasa janggal bila duduk di barisan kaum lelaki.

Menurut Rozita, kebanyakan Mak Nyah muslim menghadapai kesukaran mengamalkan ajaran Islam terutama ibadah yang membezakan kaum lelaki dan wanita seperti pakaian ketika mengerjakan sembahyang.<sup>228</sup>

Jelasnya, Mak Nyah muslim sering berada di dalam dilema ketika mahu mengamalkan ajaran Islam sehingga ramai yang meninggalkan suruhan Allah yang diwajibkan terhadap seorang muslim. Ini berikutan kecetekan ilmu tentang hukum-hukum Islam.

e) Sikap bercampur sesama sendiri

Golongan Mak Nyah muslim merupakan kumpulan minoriti dalam masyarakat. Mereka sering menunjukkan sikap tidak mahu bercampur dengan orang lain. Malah kebanyakan mereka tinggal, bekerja, bergaul sesama mereka sahaja. Mereka cuba menyisihkan diri dari golongan agama kerana merasakan penampilan mereka berbeza, bertentangan dengan ajaran Islam dan mungkin mengancam penampilan mereka. Tambahan pula rakan-rakan Mak Nyah muslim lebih senang memahami jiwa dan tingkah laku mereka. Justeru itu mereka sering mengelak diri dari program dakwah yang ditujukan kepada semua masyarakat Islam. Oleh itu usaha

---

<sup>228</sup> Rozita (nama samaran), temubual pada 15.7.2002

dakwah secara tidak langsung tidak dapat disampaikan, tambahan pula di kalangan mereka tiada yang mampu memberi tunjuk ajar khususnya yang berkaitan dengan agama.

Jelasnya, sikap di atas menyebabkan mereka tidak menghadiri program-program dakwah yang dijalankan kerana mereka hanya akan menyertai program yang khusus untuk mereka sahaja bagi memelihara identiti dan ancaman dari golongan agama yang agresif, sedangkan program-program dakwah yang dijalankan untuk orang Islam adalah termasuk golongan Mak Nyah muslim juga.

### **3.2.4 Media Dakwah**

#### a) Media Massa Yang Merosakkan

Media massa sama ada elektronik maupun cetak yang merosakkan Mak Nyah muslim adalah satu cabaran dan masalah yang melambatkan proses dakwah. Sistem komunikasi dan informasi yang canggih seperti internet sukar bagi pendakwah menanganinya kerana maklumatnya yang tidak terbatas sama ada baik ataupun buruk, berfaedah atau tidak. Walaupun terdapat unsur-unsur kebaikan yang dipaparkan, tetapi banyak juga unsur-unsur yang tidak sesuai dengan ajaran Islam dan boleh merosakkan golongan minoriti ini. Informasi tanpa sekat boleh mengakibatkan fenomena yang negatif.

Tindakan mengangkat martabat sains dan teknologi adalah baik dan bersesuaian dengan perubahan zaman, cuma pembesaran budaya sains yang terbentuk dalam acuan epistemologi Sekular Barat ini berpotensi menjelaskan keislaman Mak Nyah muslim, lantaran ia didasari oleh falsafah moden yang mempertuhankan manusia. Penjajahan mental dengan kesan negatif sedemikian boleh berlaku jika perkembangannya tidak diawasi dan tidak dipupuk dari perspektif Islam. Gelombang informasi yang semakin tidak bersempadan boleh melumpuhkan struktur sosial yang tidak dilindungi oleh ketahanan iman dan merentap keinginan mereka terhadap dakwah Islam.

b) Penggunaan teknologi terkini yang terhad

Dakwah terhadap Mak Nyah muslim tidak dilakukan dengan prasarana teknologi terkini selaras dengan kemajuan sains dan teknologi. Pengendaliannya amat terbatas malah sebahagiannya tidak menggunakan langsung media dakwah ini. Kecenderungan dan minat di kalangan Mak Nyah muslim mengikuti perkembangan teknologi terkini tidak dimanfaatkan sebaik mungkin oleh pendakwah untuk mengeksplorasikan media sebagai medium dakwah masa kini. Rancangan agama yang ditayangkan ditelevisyen juga adalah program yang tidak menarik perhatian penonton khususnya Mak Nyah muslim .

Jelasnya, bahawa masalah ini disebabkan oleh ketiadaan kepakaran dalam mengeksploitasi setiap media yang ada. Pengembelingan tenaga pakar dengan pendakwah tidak wujud dan ini membawa kepada kurangnya perancangan,

penyusunan dan penggunaan teknologi yang boleh dimanfaatkan. Walaupun pengaruh teknologi terkini terlalu besar, penggunaan yang terhad menyebabkan penyebaran dakwah berada jauh di belakang maklumat-maklumat lain.

Secara keseluruhannya dalam bab ini dapat dibuat kesimpulan bahwa program dakwah kini berada pada tahap yang memerlukan penelitian, khususnya terhadap Mak Nyah muslim. Apapun analisis atau pandangan terhadap perkembangan ini, ia tidak banyak menguntungkan perkembangan dakwah secara positif. Beberapa badan dakwah perlu bangkit dari terus terlena. Mereka harus kembali mendukung tugas besar dengan rasa lebih bertanggungjawab. Justeru itu perhatian yang bersungguh-sungguh dan profesional dalam menangani perkembangan golongan ini. Jika dilakukan dengan perancangan yang rapi, rasanya tidak timbul beban kerja dan pertindihan gerak kerja dakwah, malahan ia semakin menjurus kepada ruang-ruang yang tidak dapat diisi oleh pihak atau agensi lain. Gerakan dakwah yang syumul dipercayai berpotensi dalam mengurus, mengembeling, menyatu dan memperkasakan dakwah bagi menempuh rintangan dan cabaran yang semakin getir.

#### **BAB EMPAT : LAPORAN PENYELIDIKAN DAN ANALISA DATA**

Bab ini akan membincarakan tentang laporan penyelidikan yang menilai sejauhmana reaksi Mak Nyah muslim terhadap program dakwah dan keberkesanan program dakwah yang dijalankan oleh badan-badan dakwah sama ada daripada agensi kerajaan, badan-badan dakwah bukan kerajaan (NGO) dan orang perseorangan terhadap Mak Nyah muslim di Kuala Lumpur. Dalam hal ini penilaian terhadap reaksi dan keberkesanan program dakwah diukur dengan menggunakan indikator-indikator tertentu yang merangkumi aspek reaksi, penglibatan, kesesuaian, kefahaman terhadap program dan kesan program dakwah terhadap penghayatan ajaran Islam serta meninggalkan perkara maksiat.

Kajian reaksi dan keberkesanan dakwah terhadap Mak Nyah muslim ini adalah ditumpukan kepada Mak Nyah muslim yang berada di Kuala Lumpur sahaja. Kajian ini telah melibatkan seramai 132 orang responden yang terdiri daripada berbagai peringkat umur dengan menggunakan borang soal selidik dan temubual.

Penemuan hasil kajian ini dapat memberi gambaran tentang sejauhmana reaksi dan keberkesanan program dakwah yang dijalankan. Penemuan ini juga diharap dapat dijadikan penilaian dan garis panduan bagi merancang dan menyusun metode dakwah yang lebih berkesan terhadap Mak Nyah khususnya Mak Nyah muslim.

## **4.1 REAKSI MAK NYAH MUSLIM TERHADAP PROGRAM DAKWAH DI KUALA LUMPUR**

Menurut Kamus Dewan, perkataan reaksi membawa maksud tindakan yang lahir kerana sesuatu pengaruh.<sup>229</sup> Dalam menilai reaksi Mak Nyah muslim terhadap program dakwah, maka aspek yang perlu dilihat ialah sikap, penglibatan dan kesesuaian mereka terhadap program dakwah itu sendiri sama ada terhadap program dakwah agensi kerajaan, badan dakwah bukan kerajaan (NGO) dan orang perseorangan.

### **4.1.1 Sikap Terhadap Program Dakwah**

Perkataan sikap membawa maksud perbuatan atau pandangan yang berdasarkan kepada sesuatu pendapat atau fikiran.<sup>230</sup> Dalam hubungan ini, Charles Bird mengatakan sikap adalah sesuatu yang berhubungan dengan penyesuaian diri seseorang kepada aspek-aspek lingkungan persekitaran yang dipilih atau kepada tindakannya sendiri.<sup>231</sup>

Jelasnya, sikap merupakan suatu kecenderungan atau kekuatan jiwa yang mendorong seseorang untuk bertindakbalas terhadap sesuatu objek sama ada berupa

<sup>229</sup> Kamus Dewan Edisi Ketiga (1998), *op.cit*, h. 1112

<sup>230</sup> Kamus Dewan Edisi Ketiga (1998), *Ibid*, h. 1278

<sup>231</sup> Charles Bird (1947), *Social Psychology*. London : D. Appleton Century Co, h. 143-144

orang, institusi atau sesuatu permasalahan dengan cara tertentu. Sikap boleh mengalami perubahan melalui pengalaman atau pendidikan.<sup>232</sup>

Justeru itu, sikap boleh melambangkan pendirian seseorang terhadap sesuatu perkara yang dikemukakan kepadanya. Dalam konteks ini, penerimaan sesuatu masyarakat terhadap dakwah dapat dilihat dari sikap yang ditunjukkan sama ada melalui perbuatan atau perkataan.

Menyentuh tentang sikap Mak Nyah muslim terhadap program dakwah, beberapa orang pendakwah memberi pendapat berdasarkan pengalaman mereka berinteraksi dengan Mak Nyah muslim.

Menurut Ustazah Norlida binti Yusuf, kebanyakan Mak Nyah muslim tidak menunjukkan sikap negatif terhadap program dakwah malah mereka suka dan memberi kerjasama bagi menjayakan program tersebut. Bagaimanapun ada di antara mereka tidak berminat terhadap program dakwah yang dianjurkan kerana mereka merasa curiga dan prejudis terhadap pendakwah.<sup>233</sup>

Menurut Ustaz Abdul Wahab bin Jalil Nur, sikap Mak Nyah muslim terhadap program dakwah dipengaruhi oleh bentuk pengisian dan pendekatan program tersebut.<sup>234</sup> Pendapat ini disokong oleh Ustaz Amir Husin bin Zainal Abidin yang

<sup>232</sup> H.M.Arifin M.Ed (1977),*Psikologi Dakwah:Suatu Pengantar Studi*, Jakarta:Bulan Bintang, h.126

<sup>233</sup> Ustazah Norlida binti Yusuf, Pegawai Hal Ehwal Islam (sosial), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, JAKIM, temubual pada 15.7.2002

<sup>234</sup> Ustaz Abdul Wahab bin Jalil Nur, *op.cit*

mengatakan bahawa Mak Nyah muslim akan mengikuti program dakwah yang tidak menghina peribadi dan penampilan mereka serta menghargai mereka sebagai mahkluk Tuhan.<sup>235</sup> Sikap Mak Nyah muslim terhadap program dakwah dapat dilihat melalui jadual dibawah.

Jadual 4.1.1.1 : Sikap Mak Nyah Muslim Terhadap Program Dakwah

Sikap terhadap program dakwah	Bilangan	Peratus
Suka	112	84.8
Kurang suka	15	11.4
Tidak suka	2	1.5
Tidak pasti	3	2.3
Jumlah	132	100

Berdasarkan jadual di atas, Mak Nyah muslim tidak menolak program dakwah malah peratusan menunjukkan 84.8 % (112 orang) suka kepada program dakwah. Bagaimanapun terdapat juga di kalangan Mak Nyah yang kurang suka terhadap program dakwah, iaitu 15 orang ( 11.4 %) manakala 2 orang (1.5 %) sahaja yang tidak suka terhadap program dakwah dan 3 orang (2.3 %) memberikan jawapan tidak pasti. Situasi ini merupakan petanda baik kepada gerakan dakwah dan peluang ini perlu dimanfaatkan sebaik mungkin. Hal ini juga membayangkan bahawa Islam mempunyai potensi yang besar untuk dijadikan sebagai panduan gaya hidup dan mengembalikan mereka daripada terus mengekalkan gaya hidup yang bertentangan dengan ajaran Islam. Namun begitu perlu dilihat apakah faktor-faktor yang menyebabkan berlaku sedemikian.

<sup>235</sup> Ustaz Amir Husin bin Zainal Abidin, *op.cit*

Bagi melihat sebabnya maka satu kajian telah dijalankan terhadap 112 orang Mak Nyah muslim yang menyatakan suka terhadap program dakwah. Dalam hal ini terdapat di kalangan mereka yang memilih lebih dari satu sebab mengapa suka terhadap program dakwah. Kedudukan hasil kajian adalah sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual di bawah.

Jadual 4.1.1.2 : Faktor-Faktor Yang Menyebabkan Mak Nyah Muslim Suka Terhadap Program Dakwah

Sebab Suka Program dakwah	Bilangan	Peratus
Dapat menjalinkan hubungan dengan masyarakat lain	3	2.7
Menambahkan ilmu	49	43.8
Dapat menghilangkan tekanan kerja	35	31.3
Dapat mengisi masa lapang	18	16.0
Tidak pasti	7	6.2
Jumlah	112	100

Berdasarkan jadual di atas, 49 orang ( 43.8 %) menyatakan faktor utama yang menyebabkan Mak Nyah muslim suka terhadap program dakwah ialah untuk menambahkan ilmu. Ini diikuti faktor dapat menghilangkan tekanan kerja, iaitu 35 orang (31.3 %) manakala 18 orang (16.0 %) menyatakan kerana program dakwah dapat mengisi masa lapang. Hanya 3 orang (2.7 %) sahaja yang menyatakan sebab suka terhadap program dakwah kerana dapat menjalinkan hubungan dengan masyarakat lain dan 7 orang (6.2 %) lagi tidak pasti mengapa mereka suka terhadap program dakwah tersebut. Keadaan ini membayangkan bahawa sikap mereka yang tidak berminat menjalinkan hubungan dengan orang lain. Ini disebabkan penampilan mereka berbeza dan menimbulkan persepsi buruk dari masyarakat. Tambahan pula

mereka lebih senang bergaul sesama mereka sahaja. Persepsi mereka terhadap program dakwah menggambarkan yang mereka amat memerlukan ilmu, bimbingan dan perhatian. Sehubungan dengan itu, mereka mengharapkan kepada suatu bentuk program bimbingan yang lebih meningkatkan tahap keilmuan mereka.

Sebilangan kecil sahaja daripada responden yang mengatakan kurang suka/tidak suka terhadap program dakwah. Di kalangan mereka yang kurang/tidak menyukai program dakwah menyatakan sebab-sebabnya.

Jadual 4.1.1.3 : Faktor-faktor Yang Menyebabkan Mak Nyah Muslim Tidak Suka Kepada Program Dakwah

Sebab tidak suka	Bilangan	Peratus
Mengganggu kerja harian	2	11.8
Objektif program tidak jelas	6	35.3
Waktu tidak sesuai	6	35.3
Malu	2	11.8
Tidak minat	1	5.8
Jumlah	17	100

Berdasarkan jadual di atas, faktor yang menyebabkan responden tidak suka terhadap program dakwah ialah objektif program yang tidak jelas dan waktu program dijalankan tidak sesuai di mana masing-masing menunjukkan peratusan yang sama, iaitu 35.3 % (6 orang). Ini diikuti faktor mengganggu kerja harian dan malu di mana masing-masing menunjukkan peratusan yang sama, iaitu 11.8 % (2 orang). Dalam hal ini hanya 1 orang (5.8 %) sahaja yang memberi alasan tidak minat terhadap program dakwah. Keadaan ini menunjukkan bahawa faktor yang menyebabkan mereka tidak suka terhadap program dakwah adalah bukan disebabkan oleh sentimen mereka

membenci program dakwah, tetapi didorong oleh faktor kelemahan personaliti pendakwah, pendekatan dan perlaksanaan dakwah itu sendiri.

Di samping itu juga, pengalaman pahit mereka berinteraksi dengan sesetengah pendakwah yang mengutuk, menghina, mencaci dan menunjukkan sikap yang tidak baik menyebabkan mereka prejedis dan berhati-hati untuk mengikuti program dakwah.<sup>236</sup>

Jelasnya, Mak Nyah muslim tidak menolak program dakwah, malahan mereka menunjukkan minat yang mendalam. Keadaan ini memberi peluang kepada pendakwah untuk mengembalikan mereka untuk mengakui hakikat kejadian Tuhan, tetapi programnya perlulah disusun dengan objektif yang jelas dan pendekatan dakwah yang lebih terancang dengan tidak menghina keadaan mereka.

---

<sup>236</sup> Mak Ita ( nama samaran ), temubual pada 15.4.2002

#### **4.1.2 Penglibatan Mak Nyah Muslim Dalam Program Dakwah**

Dalam menilai reaksi Mak Nyah muslim terhadap program dakwah, maka perkara pokok yang perlu dilihat ialah sejauhmana penglibatan Mak Nyah muslim dalam program yang dianjurkan. Menurut Kamus Dewan, penglibatan bermaksud melibatkan diri dalam sesuatu perkara.<sup>237</sup>

Menyentuh tentang penglibatan Mak Nyah muslim dalam program dakwah, beberapa pendakwah yang pernah terlibat dengan Mak Nyah muslim telah memberikan pendapat.

Menurut Ustaz Amir Husin bin Zainal Abidin, program yang dianjurkan mendapat sambutan dan penglibatan yang menggalakkan daripada Mak Nyah muslim<sup>238</sup>. Bagaimanapun menurut Ustazah Norlida binti Yusuf pula, program dakwah yang dijalankan kurang mendapat sambutan dan penglibatan Mak Nyah muslim. Ini adalah disebabkan sikap prejedis mereka terhadap pendakwah dan dakwah malah sering mengelakkan diri dari menerima dakwah kerana takut dilarang melakukan kegiatan yang tidak bermoral.<sup>239</sup>

---

<sup>237</sup> Kamus Dewan Edisi Ketiga (1998), *op.cit*, h. 806

<sup>238</sup> Ustaz Amir Husin bin Zainal Abidin, *op.cit*

<sup>239</sup> Ustazah Norlida binti Yusuf, *op.cit*

Menurut Ustaz Abdul Wahab bin Jalil Nur pula, program dakwah yang dianjurkan untuk umat Islam tetapi turut bersesuaian dengan Mak Nyah muslim tidak disertai oleh mereka, cuma sebilangan kecil sahaja penglibatan mereka di peringkat sekolah dan tempat mereka bekerja. Mereka hanya menyertai program yang yang jelas dari sudut objektifnya.<sup>240</sup>

Jadual 4.1.2.1 : Penglibatan Mak Nyah Muslim Terhadap Program Dakwah

Penglibatan dalam program dakwah	Bilangan	Peratus
Kadang-kadang	40	30.3
Tidak pernah	80	60.6
Selalu	8	6.1
Tidak pasti	4	3.0
Jumlah	132	100

Berdasarkan jadual di atas, Kebanyakan Mak Nyah muslim, tidak pernah mengikuti program dakwah, iaitu 80 orang (60.6 %). Ada di kalangan mereka yang menyatakan pernah mengikuti program dakwah, iaitu 40 orang (30.3 %) yang menyatakan kadang-kadang mengikuti program dakwah manakala hanya 8 orang (6.1%) sahaja selalu mengikutinya. 4 orang (3.0 %) lagi memberikan jawapan tidak pasti. Keadaan ini menunjukkan program dakwah yang dijalankan tidak mendapat sambutan dan penglibatan yang menggalakkan, malah ada di kalangan mereka yang tidak pernah mengikutinya. Ini menggambarkan penglibatan mereka dalam program dakwah amat terhad. Justeru itu, program dakwah perlu dikaji semula untuk menarik

<sup>240</sup> Ustaz Abdul Wahab bin Jalil Nur, *op.cit.*

lebih ramai lagi Mak Nyah muslim terlibat secara langsung. Penglibatan mereka berdasarkan institusi dakwah pula, dapat dilihat berdasarkan jadual di bawah.

Jadual 4.1.2.2: Penglibatan Mak Nyah Muslim Berdasarkan Institusi Dakwah

Institusi Dakwah	Bilangan	Peratus
Agenси keraяaan	10	20.8
Badan Bukan Kerajaan (NGO)	15	31.3
Orang perseorangan	18	37.5
Masjid / surau	2	4.2
Tidak pasti	3	6.2
Jumlah	48	100

Berdasarkan jadual di atas, penglibatan Mak Nyah muslim dengan dakwah dari orang perseorangan melebihi dari penglibatan mereka dengan agensi kerajaan dan badan-badan dakwah bukan kerajaan (NGO). Ini terbukti melalui peratusan yang menyatakan terlibat dengan orang perseorangan seramai 18 orang (37.5 %) berbanding dengan Badan bukan kerajaan (NGO), iaitu 15 orang (31.3 %) sahaja. Dalam hal ini, 10 orang (20.8 %) terlibat dengan dakwah dari Agenси keraяaan. Institusi masjid/surau pula, 2 orang (4.2 %) sahaja yang pernah terlibat manakala 3 orang (6.2 %) lagi tidak pasti institusi manakah beliau pernah terlibat dalam program dakwah. Fenomena ini menguatkan lagi hujah bahawa Mak Nyah muslim tidak suka bergaul dengan masyarakat lain. Mereka lebih senang mengikuti program dakwah yang khusus kepada mereka sahaja seperti yang dianjurkan oleh orang perseorangan.

Jadual 4.1.2.3: Faktor-Faktor Yang Mendorong Mak Nyah Muslim Menyertai Program dakwah

Sebab menyertai	Bilangan	Peratus
Minat	10	20.8
Terpaksa	0	0
Untuk mengisi masa lapang	10	20.8
Untuk menambahkan ilmu	25	52.1
Tidak pasti	3	6.3
Jumlah	48	100

Berdasarkan jadual di atas, faktor yang mendorong Mak Nyah muslim menyertai program dakwah adalah atas kesedaran mereka sendiri. Ini dapat dibuktikan bahawa tidak ada di kalangan mereka yang memberi jawapan terpaksa menyertai program dakwah. Kebanyakan mereka meyertai program dakwah untuk menambahkan ilmu, iaitu 25 orang (52.1 %). Ini diikuti faktor minat dan untuk mengisi masa lapang di mana masing-masing menunjukkan peratusan yang sama, iaitu 20.8 % (10 orang ). Situasi ini menunjukkan kesedaran untuk mendalami tentang ilmu Islam semakin menular di kalangan mereka walaupun dipandang serong oleh masyarakat dengan identitinya. Tambahan pula, ada di kalangan mereka yang telah melewati setengah abad dan bertindak lebih matang untuk menghabiskan sisa-sisa hidup. Ini secara tidak langsung menimbulkan kesedaran di kalangan generasi muda dari kalangan mereka juga. Bagaimanapun terdapat juga faktor yang mendorong mereka tidak menyertai program dakwah. Ini dapat dilihat melalui jadual di bawah.

Jadual 4.1.2.4: Faktor-Faktor Yang Mendorong Mak Nyah Muslim Tidak Menyertai Program Dakwah

Sebab tidak menyertai	Bilangan	Peratus
Tidak minat	9	11.2
Malu	9	11.2
Masa dan tempat program tidak sesuai	11	13.8
Tiada program yang dianjurkan	9	11.2
Sibuk dengan kerjaya	30	37.6
Objektif program tidak jelas	12	15.0
Jumlah	80	100

Berdasarkan jadual di atas, faktor yang mendorong Mak Nyah muslim tidak menyertai program dakwah ialah kesibukan dalam kerjaya, iaitu 30 orang (37.6 %). Ini diikuti faktor objektif program yang tidak jelas, iaitu 12 orang (15.0 %), masa dan tempat program tidak sesuai, iaitu 11 orang (13.8 %), manakala faktor tidak minat, malu dan tiada program yang dianjurkan menunjukkan peratusan yang sama, iaitu 11.2 % ( 9 orang ). Keadaan ini menggambarkan, kegiatan ekonomi sering menjadi penyebab utama mereka tidak menyertai program dakwah. Pengaruh material yang menyelubungi kehidupan Mak Nyah muslim sejak akhir-akhir ini menyekat perkembangan dakwah terhadap mereka.

Pengaruh material juga telah merempuh pegangan Islam yang wujud dalam diri mereka. Mereka memperlihatkan kecenderungan dan komitmen yang menyerupai pihak lain ketika mengejar habuan dunia. Ternyata masyarakat yang tidak berkembang bersama pegangan yang kuat, mudah menjadi mangsa kejayaan tersebut.

Jelasnya, penglibatan Mak Nyah muslim dalam dakwah amat terhad. Walaupun ada di kalangan mereka yang menunjukkan minat dan kesedaran terhadap dakwah tetapi tertumpu kepada program dakwah yang khusus terhadap mereka sahaja dan kurang memberi perhatian kepada dakwah umum yang dijalankan oleh masjid/surau. Ini berikutan timbul rasa malu untuk bercampur dengan masyarakat lain. Selain dari itu tuntutan kerjaya, masa dan lokasi program serta objektif program dakwah yang tidak jelas menjadikan Mak Nyah muslim tidak menyertai program dakwah.

#### **4.1.3 Kesesuaian Program Dakwah**

Dalam mengukur keberkesanannya program dakwah, maka aspek yang juga perlu dilihat ialah kesesuaian program dakwah tersebut. Kesesuaian bermaksud keadaan keselarasan atau persamaan.<sup>241</sup> Sesuatu program dan aktiviti dakwah yang berkesan mempunyai hubungkait yang rapat dengan kesesuaian kumpulan sasaran yang didakwah sama ada dari segi pengisian program, masa, tempat dan sebagainya. Sesuatu program dakwah yang tidak bersesuaian dengan citarasa penerimanya tidak mungkin dapat meninggalkan kesan yang positif. Oleh itu, kesesuaian merupakan satu faktor penting dalam menilai keberkesanannya sesuatu program dakwah.

Bagi melihat kesesuaian program dakwah yang dijalankan terhadap Mak Nyah muslim, maka satu kajian telah dilakukan terhadap mereka bagi melihat reaksi

---

<sup>241</sup> Kamus Dewan (1998), *op.cit*, h. 1268

mereka terhadap beberapa aspek kesesuaian program yang dijalankan. Hasil kajian tentang kesuaian adalah seperti jadual berikut;

Jadual 4.1.3.1 : Kesesuaian Program Dakwah mengikut Mak Nyah muslim

Kesesuaian Program	Bilangan	Peratus
Sesuai	8	6.1
Kurang sesuai	65	49.2
Tidak sesuai	45	34.1
Tidak pasti	14	10.6
Jumlah	132	100

Berdasarkan jadual di atas, program dakwah yang dijalankan tidak bersesuaian dengan Mak Nyah muslim. Ini berikutan 110 orang dari kalangan mereka yang mengatakan program dakwah kurang/tidak bersesuaian, iaitu 65 orang (49.2 %) menyatakan kurang sesuai dan selebihnya 45 orang (34.1 %) memberi jawapan program dakwah tidak sesuai. Hanya 8 orang (6.1 %) sahaja mengakui program dakwah bersesuaian manakala 14 orang (10.6 %) lagi tidak sama ada program dakwah tersebut bersesuaian atau tidak. Keadaan ini menunjukkan kebanyakan program dakwah yang dijalankan tidak bersesuaian dengan mereka terutama program yang dilakukan oleh agensi kerajaan dan badan dakwah bukan kerajaan (NGO). Ini adalah kerana program tersebut tidak dilakukan secara khusus kepada mereka sahaja.

Justeru itu, perancangan yang lebih teliti dan pendekatan dakwah yang lemah-lembut perlu dilakukan di samping menyusun semula bentuk program tersebut, supaya ia lebih bersesuaian dengan mereka. Ini adalah satu tumparan yang hebat kepada badan-badan dakwah dan pendakwah yang selama ini terlibat dengan

program dakwah. Antara sebab-sebab program dakwah dianggap tidak bersesuaian dapat dilihat melalui jadual di bawah.

Jadual 4.1.3.2 : Sebab Ketidaksesuaian Program Dakwah Mengikut Responden

Sebab Ketidaksesuaian	Bilangan	Peratus
Penyampaiannya sukar difahami	29	22.0
Isi dakwah yang tidak bersesuaian	25	18.9
Personaliti pendakwah membosankan	33	25.0
Bentuk program yang membosankan	29	22.0
Tidak pasti	16	12.1
Jumlah	132	100

Merujuk kepada jadual di atas, sebab ketidaksesuaian program dakwah mengikut Mak Nyah muslim berpunca daripada pendakwah dan metode dakwah itu sendiri. Ini terbukti bahawa seramai 33 orang (25.0 %) menyatakan sebab ketidaksesuaian program dakwah berpunca daripada personaliti pendakwah yang membosankan. Ini diikuti sebab penyampaiannya sukar difahami dan bentuk program yang membosankan masing-masing seramai 29 orang (22.0 %), manakala sebab ketidaksesuaian program dakwah yang berpunca daripada isi dakwah yang tidak bersesuaian seramai 25 orang (18.9 %) dan selebihnya, iaitu 16 orang (12.1 %) memberikan jawapan tidak pasti.

Situasi ini menunjukkan bahawa faktor-faktor kesesuaian program dakwah bukan dipengaruhi oleh faktor sikap Mak Nyah muslim yang tidak suka kepada program dakwah tetapi disebabkan oleh faktor kelemahan personaliti pendakwah, metode dan perlaksanaannya. Pendakwah gagal membentuk gaya persembahan dakwah yang bermutu dan bertenaga.

Jelasnya, kesesuaian program dakwah perlu mengambil kira kepada penyakit yang dialami oleh sasaran. Oleh itu, pendekatan dakwah hendaklah disesuaikan dengan masalah yang dihadapi oleh sasaran. Modus operandi dakwah juga perlu digearakkan secara lebih sistematik bagi berhadapan dengan perubahan identiti Mak Nyah muslim.

**Jadual 4.1.3.3 : Kedudukan Kesesuaian Program Dakwah mengikut Jenis Program**

Kesesuaian Mengikut Jenis Program	Bilangan	Peratus
Ceramah	6	4.5
Perbincangan / diskusi	40	30.3
Kelas pengajian	65	49.2
Ziarah	8	6.1
Membina hubungan baik	8	6.1
Tidak pasti	5	3.8
Jumlah	132	100

Berdasarkan jadual di atas, Kebanyakkannya Mak Nyah muslim lebih cenderung kepada program agama berbentuk kelas pengajian, iaitu 65 orang (49.2 %) dan program yang berebutuk perbincangan/diskusi, iaitu 40 orang (30.3 %). Program dakwah berbentuk ziarah dan program membina hubungan baik, masing-masing seramai 8 orang (6.1 %), manakala program ceramah hanya 6 orang (4.5 %) sahaja dan 5 orang (3.8 %) lagi, memberikan jawapan tidak pasti. Keadaan ini menunjukkan bahawa program yang berbentuk perbincangan, pengajaran dan bimbingan menjadi keutamaan di kalangan Mak Nyah muslim.

Bimbingan melalui kumpulan yang kecil merupakan aspek penting yang menjadi harapan dan minat Mak Nyah muslim. Sebagai kumpulan masyarakat yang

mungkin tersisih daripada keluarga dan komuniti asal dan menghadapi satu sistem kehidupan yang baru, mereka memerlukan perhatian yang lebih. Oleh sebab itu program yang memberi banyak peluang kepada mereka untuk berinteraksi dengan pendakwah bagi mendapatkan kepastian terhadap sesuatu isu menjadi pilihan mereka. Jadual di bawah menggambarkan kedudukan kesesuaian program dakwah mengikut masa program.

Jadual 4.1.3.4 : Kedudukan Kesesuaian Program Dakwah mengikut Masa Program

Kesesuaian Mengikut Masa Program	Bilangan	Peratus
Pagi	30	22.7
Tengahari	2	1.5
Petang	32	24.3
Malam	30	22.7
Tidak pasti	38	28.8
Jumlah	132	100

Berdasarkan Jadual di atas, kebanyakan Mak Nyah muslim tidak dapat menentukan masa program dakwah yang paling sesuai terhadap mereka. Ini dapat dilihat bahawa seramai 38 orang ( 28.8 %) memberi jawapan tidak pasti dan seramai 32 orang ( 24.3 %) pula menyatakan waktu yang sesuai iaitu waktu petang, manakala seramai 30 orang ( 22.7 %) menyatakan waktu pagi dan peratusan yang sama menyatakan waktu malam adalah waktu yang paling sesuai untuk program dakwah terhadap Mak Nyah muslim.

Situasi ini menggambarkan golongan ini bersedia untuk menerima dakwah tetapi perlu mengikut kesesuaian masa mereka. Ini adalah kerana mereka tidak mahu

program tersebut bertembung dan mengganggu kerjaya yang diceburi. Kesukaran mencari masa yang sesuai berikutan kerjaya yang mereka ceburi menuntut komitmen pada setiap waktu. Ini menunjukkan bahawa penyusunan program dakwah mestilah mengambil kira faktor kesesuaian masa golongan ini bagi memudahkan penyertaan mereka dalam program dakwah .

Jadual 4.1.3.5 : Kedudukan Kesesuaian Program Dakwah mengikut Lokasi Program

Kesesuaian Mengikut Lokasi Program	Bilangan	Peratus
Di masjid	8	6.1
Di rumah	63	47.7
Di dewan	54	40.9
Tidak pasti	7	5.3
Jumlah	132	100

Berdasarkan jadual di atas, 47.7 % dari kalangan Mak Nyah muslim memilih lokasi program dakwah, adalah di rumah mereka dan 40.9 % memilih program dakwah dijalankan di dewan. Hanya 6.1 % sahaja yang memilih lokasi program di masjid. Keadaan ini menggambarkan bahawa mereka lebih selesa program tersebut hanya khusus untuk mereka sahaja tanpa bercampur dengan masyarakat lain dan dalam kumpulan yang kecil. Ini bagi mengelakkan timbulnya perasaan malu dan pandangan serong dari sesetengah masyarakat.

Dari keterangan di atas, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa Mak Nyah muslim tidak menolak program dakwah yang dijalankan dengan pelaksanaan yang terancang dengan mengambil kira identiti mereka. Penglibatan Mak Nyah muslim

dalam dakwah banyak bergantung kepada bentuk program yang dijalankan . Kesesuaian program dakwah adalah salah satu faktor yang mendorong penglibatan mereka dalam dakwah. Ternyata sekali ruang-lingkup kehidupan Mak Nyah muslim yang perlu diterokai bagi memahami dan mencapai matlamat dakwah yang begitu besar dan mencabar. Mak Nyah muslim sebagai golongan sasaran, yang kelihatan terumbang-ambing ketika berdepan antara tuntutan keduniaan dan keakhiratan.

Pendakwah yang menjadi harapan untuk menyebarkan dakwah kepada seluruh umat Islam termasuk Mak Nyah muslim bukan sahaja kekeringan modal dan kehilangan inisiatif, tetapi semakin tidak berjaya membina personaliti menarik. Persoalan yang menghantui ialah kualiti dakwah tidak meningkat secukupnya bagi menangani realiti sekarang terutama berkenaan Mak Nyah muslim.

Melihat kepada kelesuan dakwah terhadap Mak Nyah muslim, suatu pengalihan paradigma (*paradigm shift*) diperlukan .Jelas sekali bahawa suatu pendekatan baru yang melebihi tindakan *repackaging* aspek atau komponen pendakwahan yang dituntut. Ia merujuk kepada perubahan besar dalam pemikiran atau penyusunan hidup dan perlaksanaan strategi dakwah bagi mencapai objektif jangka panjang. Ia bermakna peningkatan kualiti Islam secara keseluruhan.

#### **4.2 KEBERKESANAN DAKWAH TERHADAP MAK NYAH MUSLIM DI KUALA LUMPUR**

Keberkesanan berasal dari perkataan kesan yang bermaksud mendatangkan suatu pengaruh kepada pemikiran, sikap, watak seseorang atau sesuatu golongan seperti mengubah sikap, membangkitkan sesuatu kecenderungan atau perasaan.<sup>242</sup>

Menurut Amriah Buang keberkesanan dapat dinilai dari beberapa perspektif iaitu secara simplistik, sofistikated, ekspresif dan progresif. Dari sudut simplistik, keberkesanan sesuatu program dakwah diukur berdasarkan kepada kuantitatif iaitu sebanyak mana bilangan ajaran Islam dapat diamalkan secara ketara oleh individu dalam masyarakat yang didakwah. Dari sudut sofistikated pula, keberkesanan dakwah diukur secara kualitatif iaitu sebaik mana sesuatu ajaran Islam itu direalisasikan oleh masyarakat tersebut manakala dari sudut ekspresif pula, keberkesanan dakwah diukur dari aspek sejauhmana penggunaan lambang-lambang, simbol dalam kehidupan individu atau masyarakat. Dari sudut progresif, keberkesanan diukur berdasarkan sejauhmana altenatif Islam dapat menghadapi realiti dan tuntutan semasa.<sup>243</sup>

Jelasnya keberkesanan dakwah mempunyai hubungkait yang rapat dengan objektif dan matlamat yang hendak dicapai iaitu mempengaruhi pemikiran, sikap dan

<sup>242</sup> Kamus Dewan Edisi Ketiga (1998), *op.cit*, h. 663

<sup>243</sup> Amriah Buang (1993), "Pergerakan Dakwah Dan Persoalan Peranan Wanita Islam Di Malaysia: Suatu Analisis ", *Gerakan Dakwah Dan Orde Islam Di Malaysia: Strategi Masa Depan*. Kuala Lumpur: ABIM , h. 95-96

watak orang yang di dakwah ke arah memahami dan menghayati ajaran Islam. Dalam konteks melihat keberkesanan dakwah terhadap Mak Nyah muslim, kajian telah dilakukan untuk mendapatkan tahap keberkesanan dakwah terhadap Mak Nyah muslim. Hasilnya seperti jadual di bawah.

Jadual 4.2.1 : Tahap Keberkesanan Program Dakwah

Tahap Keberkesanan	Bilangan	Peratus
Semua berkesan	8	6.1
Sederhana berkesan	18	13.6
Tidak berkesan	78	59.1
Tidak pasti	28	21.2
Jumlah	132	100

Berdasarkan jadual di atas, seramai 78 orang ( 59.1 %) menyatakan program dakwah yang dijalankan terhadap mereka tidak berkesan. Ini diikuti seramai 18 orang (13.6%) menyatakan tahap keberkesanan program dakwah ialah sederhana berkesan. Hanya seramai 8 orang (6.1 %) sahaja yang menyatakan semua berkesan program dakwah yang dijalankan, manakala 26 orang ( 21.2 %) memberikan jawapan tidak pasti. Keadaan ini menggambarkan tahap keberkesanan program dakwah terhadap Mak Nyah muslim masih ditahap rendah. Ini berikutan kegagalan pendakwah menerangkan isi dakwah dan gaya persembahan yang menarik.

Sehubungan dengan itu, program dakwah yang melibatkan individu pendakwah, sumber dan mesej yang disampaikan, maklumat dan isi kandungan, nilai dan falsafah serta seluruh organisasi yang menggerakkan dakwah perlu sekali

mempunyai kredibiliti yang tinggi bagi meyakinkan Mak Nyah muslim untuk menerimanya. Justeru itu tatacara yang sistematik dan pengurusan yang profesional wajar dipertingkatkan bagi melihat tahap keberkesanan dakwah semakin meningkat. Terdapat sebab-sebab keberkesanan program dakwah yang boleh dilihat melalui jadual di bawah.

Jadual 4.2.2 : Sebab Keberkesanan Program Dakwah

Sebab Keberkesanan	Bilangan	Peratus
Cara penyampaian mudah difahami	3	11.5
Tempat dan masanya sesuai	4	15.4
Personaliti pendakwah menarik	3	11.5
Isi dakwah memberi faedah	11	42.3
Tidak pasti	5	19.3
Jumlah	26	100

Berdasarkan jadual di atas, seramai 11 orang (42.3 %) di kalangan Mak Nyah muslim menyatakan sebab keberkesanan program dakwah ialah isi dakwah memberi faedah. Ini diikuti sebab tempat dan masanya sesuai, iaitu seramai 4 orang (15.4 %). Hanya seramai 3 orang (11.5 %) sahaja di kalangan mereka yang mengatakan personaliti pendakwah menarik hati mereka dan seramai 3 orang (11.5 %) lagi menyatakan cara penyampaiannya mudah difahami adalah faktor kepada keberkesanan dakwah. Keadaan ini menunjukkan personaliti pendakwah masih gagal menjadi daya penarik kepada keberkesanan dakwah. Gaya persembahan yang kurang bertenaga, menjemukan dan kurang menarik perlu diperbaiki segera. Kepelbagaiannya gaya persembahan dakwah dapat dilihat dengan jelas apabila dikaji di dalam al-Quran dan al-Hadith yang kedua-duanya cuba mempersembahkan isi kandungan masing-

masing dengan persembahan yang berbeza-beza, walaupun dari segi mesej atau maksud disebaliknya adalah sama.

Selain daripada itu juga, pendakwah tidak dapat menghayati akhlak yang baik dan tiada *qudwah hasanah* dalam kehidupan mereka malah kebanyakan pendakwah hanya membawa risalah dakwahnya melalui lisan dan tidak membawanya melalui kelakuan dan amalan harian. Oleh itu, pendakwah perlu membentuk diri menjadi model yang baik sebagaimana ditampilkan oleh junjungan besar Nabi Muhammad S.a.w..

Jadual 4.2.3 : Sebab Tidak Berkesan Program Dakwah

Sebab Tidak Berkesan	Bilangan	Peratus
Penyampaian sukar difahami	13	16.7
Pengisian programnya tidak sesuai	17	21.8
Personaliti pendakwah tidak menarik	17	21.8
Tempat dan masa tidak sesuai	15	19.2
Tidak pasti	16	20.5
Jumlah	78	100

Berdasarkan jadual di atas, sebab tidak berkesan program dakwah ialah pengisian programnya tidak sesuai dan personaliti pendakwah tidak menarik masing-masing seramai 17 orang (21.8 %). Ini diikuti sebab tempat dan masa program yang tidak sesuai, iaitu seramai 15 orang (19.2 %), manakala seramai 13 orang (16.7 %) yang lain menyatakan penyampaian sukar difahami merupakan sebab tidak berkesannya program dakwah. Seramai 16 orang (20.5 %) di kalangan mereka memberikan jawapan tidak pasti. Keadaan ini menunjukkan bahawa faktor metode dan perlaksanaan mempengaruhi keberkesanan sesuatu program dakwah. Oleh itu,

perancangan, strategi dan pendakwah perlu diperbaiki, dikemaskini dan penemuan baru bagi diselaraskan dengan keadaan sasaran. Segala prinsip asas dalam dakwah perlu dicernakan dan melihat kepada suasana dan realiti yang ada.

Sehubungan dengan itu, pengembangan struktur informasi yang mensintesiskan yang tradisional dengan yang moden perlu dilakukan bagi menarik minat sasaran. Pemanfaatan teknologi informasi dan komunikasi baru dan perantara sistem tradisional juga perlu digembelengkan. Pengembelengan secara bersepadan untuk tujuan dakwah sedikit sebanyak boleh mengatasi dakwah yang tidak berkesan..

Kajian ini mendapati, Mak Nyah muslim yang menyertai program dakwah mengakui bahawa ia sedikit sebanyak telah memberi kesan terhadap diri mereka. Beberapa orang Mak Nyah muslim mengakui banyak manfaat yang diperolehi melalui program dakwah. Contohnya melalui kelas pengajian yang diadakan, dapat diperbetulkan perkara-perkara asas Fardu ain yang menjadi asas dalam kehidupan seharian serta mempertingkatkan kefahaman Islam dalam pelbagai bidang.<sup>244</sup>

Selain daripada mengetahui perkara-perkara asas Fardu ain, Mak Nyah muslim juga dapat menambahkan ilmu pengetahuan khususnya mengenai hukum-hukum, perkara dosa dan pahala, halal dan haram dalam Islam dan lain-lain lagi.<sup>245</sup>

<sup>244</sup> Ita ( nama samaran), temubual pada 15 April 2002

<sup>245</sup> Asmah ( nama samaran ), temubual pada 15.4. 2002

Disamping itu juga, program dakwah yang diikuti telah mengubah gaya hidup ke arah yang lebih baik.<sup>246</sup>

Jelasnya, keberkesanan dakwah terhadap Mak Nyah muslim masih di tahap yang rendah tetapi sedikit sebanyak telah menyuntik minat mereka ke arah menjadikan Islam sebagai gaya hidup. Walau apa pun kaedah yang dilakukan ,usaha tersebut sedikit sebanyak diharapkan dapat mengubah kognitif dan pemikiran, afektif atau perasaannya dan seluruh tingkah laku dan personaliti Mak Nyah muslim sama ada yang zahir dan dapat diperhati ataupun yang batin, terselindung dan tidak dapat diperhati hingga dapat membentuk insan yang bergelar Mak Nyah muslim sebagai orang yang bertaqwa.

#### **4.2.1 Keberkesanan dari sudut kefahaman**

Perkataan kefahaman bermaksud keupayaan dan kemampuan seseorang untuk memahami sesuatu yang dipelajari.<sup>247</sup> Menurut Prof. Dr. Osman Bakar, kefahaman merupakan sesuatu yang subjektif yang tidak dapat diukur dalam bentuk lahiriah. Oleh itu adalah sesuatu yang sukar untuk mengukur kefahaman seseorang terhadap apa yang telah disampaikan kepadanya.<sup>248</sup>

---

<sup>246</sup> Raha (nama samaran), temubual pada 15.4.2002

<sup>247</sup> Kamus Dewan Edisi Ketiga (1998), *op.cit*, h. 347

<sup>248</sup> Prof. Dr. Osman Bakar (1993), ‘Implikasi Gerakan Dakwah Ke Atas Sistem Pendidikan Negara Kini’, *Gerakan Dakwah Dan Orde Islam Di Malaysia*, K.L: ABIM, h. 45

Walau bagaimanapun ia dapat diketahui melalui tindak balas dan perubahan lahiriah yang berlaku terhadap seseorang yang menerima mesej dakwah yang disampaikan kepadanya. Ini adalah dalam banyak perkara , perubahan lahiriah menandakan adanya perubahan dalaman yang sihat ataupun kerana ianya boleh membantu perubahan dalaman.<sup>249</sup> Dalam konteks mengukur keberkesanan mengikut kefahaman Mak Nyah muslim, satu kajian telah dilakukan dan dapat dilihat sebagaimana jadual di bawah.

Jadual 4. 2.1.1 :Keberkesanan Dakwah Mengikut Tahap Kefahaman

Tahap Keberkesanan	Bilangan	Peratus
Faham semua	3	6.3
Faham sedikit	32	66.6
Tidak faham	3	6.3
Tidak pasti	10	20.8
Jumlah	48	100

Berdasarkan jadual di atas, seramai 32 orang (66.6 %) dari kalangan Mak Nyah muslim menyatakan mereka hanya memahami sedikit sahaja daripada program dakwah yang dijalankan, hanya seramai 3 orang (6.3 %) sahaja yang menyatakan bahawa mereka faham semua program dakwah yang dijalankan. Seramai 10 orang ( 20.8 %) dari kalangan mereka memberikan jawapan tidak pasti manakala seramai 3 orang (6.3 %) menyatakan mereka tidak faham terhadap program yang dijalankan. Keadaan ini menunjukkan bahawa program dakwah adalah kurang berkesan jika

<sup>249</sup> Ibid

diukur dari sudut kefahaman terhadap kandungan program dakwah yang disampaikan. Ini membayangkan, terdapat kelemahan dalam pendekatan isi dakwah dan perlaksanaan dakwah yang dilakukan oleh para pendakwah kerana tahap kefahaman Mak Nyah muslim adalah masih rendah. Oleh itu pendekatan isi dakwah dan perlaksanaan dakwah yang dilakukan terhadap mereka perlu dikaji semula agar keberkesanannya setimpal dengan usaha yang dilakukan. Untuk melihat sebab tidak faham/ faham sedikit program dakwah yang dianjurkan, satu kajian terhadap 35 orang Mak Nyah muslim telah dilakukan seperti mana jadual di bawah.

Jadual 4.2.1.2 : Sebab Tidak Faham / Faham sedikit

Sebab Tidak Faham/ Faham sedikit	Bilangan	Peratus
Personaliti pendakwah tidak menarik	14	40.0
Isi dakwah yang tidak tersusun	10	28.6
Tidak menggunakan media yang terkini	9	25.7
Tidak pasti	2	5.7
Jumlah	35	100

Berdasarkan jadual di atas, seramai 14 orang (40.0 %) yang menyatakan sebab tidak faham/faham sedikit kerana personaliti pendakwah tidak menarik. Ini diikuti sebab isi dakwah yang tidak tersusun, iaitu seramai 10 orang (28.6 %), manakala seramai 9 orang ( 25.7 %) lagi menyatakan kerana tidak menggunakan media yang terkini. Keadaan ini menunjukkan kelemahan pendekatan dan perlaksanaan dakwah. Ini berikutan pendakwah tidak merancang dengan baik isi, gaya persempahan dan media dakwah yang akan digunakan. Perkara ini sudah tentu menjelaskan keberkesanan dakwah.

Jelasnya, kefahaman Mak Nyah muslim terhadap program dakwah masih di tahap yang rendah. Ini berikutan kegagalan pendakwah menarik minat sasaran dakwah sama ada melalui personaliti pendakwah, gaya persembahan dan isi dakwah yang disampaikan. Gerakan dakwah seharusnya berwawasan dalam erti mempunyai matlamat masa depan yang jelas disamping mempunyai perancangan dan strategi bagi mencapainya. Kajian ini menunjukkan bahawa tanpa perancangan yang teliti, maka kefaham sasaran amat terbatas. Oleh itu, pendakwah yang pakar dan terlatih perlu ditampilkan bagi menjamin tahap kefahaman Mak Nyah muslim terhadap program dakwah dapat ditingkatkan.

#### **4.2.2 Keberkesanan dari sudut penghayatan ajaran Islam**

Perkataan penghayatan membawa maksud perihal mengalami dan menilai dalam batin<sup>250</sup> manakala ajaran Islam adalah segala sesuatu yang diajarkan oleh Islam.<sup>251</sup> Dalam konteks mengukur keberkesanan dakwah terhadap Mak Nyah muslim dari sudut penghayatan ajaran Islam, satu kajian dilakukan dengan cara soal selidik dan temubual terhadap mereka yang pernah terlibat dengan program dakwah.

Menurut Izat (nama samaran), sejak beliau berjinak-jinak dengan program dakwah, telah banyak tuntutan Islam beliau lakukan seperti sembahyang, puasa, zakat dan sebagainya, malah merancang untuk menunaikan umrah pada penghujung tahun

---

<sup>250</sup> *Kamus Dewan Edisi Ketiga* (1998) op.cit, h. 447

<sup>251</sup> *Kamus Dewan Edisi Ketiga* (1998) *Ibid*, h. 18

ini. Walaupun masih belum melakukan dengan sempurna, tetapi sedikit sebanyak telah dilakukannya.<sup>252</sup>

Namun begitu menurut Nasha (nama samaran), sehingga kini beliau masih belum melakukan sembahyang Jumaat di masjid kerana masih malu untuk berhadapan dengan masyarakat yang sering memerhatikan pergerakannya walaupun beliau tahu perkara itu wajib ditunaikan.<sup>253</sup>

Jadual 4.2.2.1 Kesan Dakwah Kepada Peningkatan Dalam Penghayatan Ajaran Islam

Kesan Dakwah	Bilangan	Peratus
Banyak berkesan	6	12.6
Sederhana berkesan	10	20.8
Kurang berkesan	12	25.0
Tidak berkesan	10	20.8
Tidak pasti	10	20.8
Jumlah	48	100

Berdasarkan jadual di atas, penghayatan ajaran Islam di kalangan Mak Nyah muslim masih ditahap rendah. Ini dapat dilihat bahawa hanya 12.6 % sahaja dari kalangan Mak Nyah yang menyatakan program dakwah banyak berkesan kepada penghayatan dalam ajaran Islam, manakala 20.8 % menyatakan sederhana berkesan, tidak berkesan dan tidak pasti. Keadaan ini menggambarkan kesan dakwah kepada peningkatan dalam penghayatan ajaran Islam masih rendah. Dalam hal ini, terdapat

<sup>252</sup> Izat (nama samaran), temubual pada 15.5.2002

<sup>253</sup> Nasha (nama samaran ), temubual pada 15.5.2002

sekumpulan individu yang memperolehi kesannya yang baik tetapi terdapat juga yang tidak berkesan langsung.

Peningkatan dalam penghayatan ajaran Islam berkait rapat dengan tiga gagasan yang menjadi teras kajian ini iaitu peribadi, masyarakat umum dan organisasi dakwah. Jelasnya, kajian ini mendapati bahawa peningkatan dalam penghayatan ajaran Islam mempunyai hubungan yang signifikan dengan organisasi dakwah tetapi kurang signifikan dengan gagasan peribadi dan masyarakat. Faktor yang menyebabkan perkara ini berlaku boleh dilihat melalui jadual di bawah.

Jadual 4.2.2.2 Sebab kurang berkesan / Tidak berkesan

Sebab Kurang Berkesan/Tidak Berkesan	Bilangan	Peratus
Terlalu sibuk dengan kerjaya	2	9.0
Pengaruh persekitaran	6	27.3
Tiada model yang boleh diikuti	6	27.3
Kurang kesedaran	8	36.4
Jumlah	22	100

Berdasarkan jadual di atas, sebab kurang kesedaran di kalangan Mak Nyah muslim menjadi punca utama kurang/tidak berkesan dakwah kepada penghayatan ajaran Islam, iaitu 36.4 %. Ini diikuti tiada model yang boleh diikuti dan pengaruh persekitaran di mana masing-masing menunjukkan peratusan yang sama, iaitu 27.3 %. Situasi ini membayangkan bahawa usaha dakwah terhadap golongan ini masih gagal membentuk kesedaran dalam diri mereka sendiri. Ini ditambah pula tidak adanya pendakwah di kalangan mereka yang boleh dijadikan pembimbing kepada

mereka. Ini membayangkan bahawa badan dakwah amat memainkan peranan penting dalam memberikan galakan dan kesedaran terhadap perlunya melaksanakan ajaran Islam. Dengan kesedaran yang diperolehi daripada badan dakwah, Mak Nyah muslim mempunyai keyakinan diri dan menghayati apa yang mereka fahami.

Jelasnya, aspek penting yang harus dilakukan oleh badan dakwah ialah mempengaruhi Mak Nyah muslim melalui pembelajaran, keperihatinan dan mewujudkan persekitaran yang baik bagi mempertingkatkan lagi penghayatan ajaran Islam. Dalam hal ini, Imam Ghazali menyatakan, punca seseorang insan tidak dapat menunaikan fungsinya sebagai hamba yang diperintahkan untuk melakukan ibadah kepada Allah dengan sempurna adalah disebabkan faktor keduniaan, manusia, syaitan dan nafsu manusia itu sendiri.<sup>254</sup> Oleh itu, pendekatan isi dakwah dan latihan secara praktikal haruslah lebih responsif kepada keperluan ibadah itu dilaksanakan. Di samping itu, penerapan nilai-nilai positif termasuklah etika amalan yang baik dan disiplin ilmu perlu dilakukan. Sikap toleransi pendakwah dan masyarakat mungkin lebih mendorong mereka melaksanakan tanggungjawab mereka.

#### **4.2.2 Keberkesanan dari sudut meninggalkan perkara maksiat**

Menurut Kamus Dewan, perkataan maksiat membawa maksud sesuatu perbuatan yang melanggar perintah Allah.<sup>255</sup> Dalam konteks mengukur keberkesanan dakwah terhadap Mak Nyah muslim dari sudut meninggalkan perkara maksiat , satu

<sup>254</sup> Imam Ghazali (t.t), *Minhaj al-'Abidin*. Ir. Zakaria Adham (terj).K.L : Victoria Agencie, h.74

<sup>255</sup> Kamus Dewan Edisi Ketiga (1998), op.cit, h. 848

kajian dilakukan dengan cara soal selidik dan temubual terhadap mereka yang pernah terlibat dengan program dakwah.

Menurut Normah (nama samaran), setelah beliau mengikuti beberapa siri program dakwah yang dianjurkan oleh agensi kerajaan dan badan-badan dakwah bukan kerajaan (NGO), beliau telah cuba meninggalkan perkara-perkara maksiat yang pernah dilakukan dahulu.<sup>256</sup>

Menurut Erin (nama samaran) pula, beliau sukar meninggalkan perkara maksiat walaupun tahu ianya bercanggah dengan ajaran Islam. Ini adalah kerana pengaruh persekitaran dan teknologi yang kuat di samping kerjaya yang dilakukan tidak boleh lari dari melakukan perkara yang dilarang oleh Allah.<sup>257</sup>

Bagi melihat kesan dakwah dalam meninggalkan perkara maksiat, satu soal selidik dilakukan ke atas 48 orang Mak Nyah muslim dan dapat dilihat menerusi jadual di bawah.

Jadual 4.2.3.1 Kesan Dakwah Dalam Meninggalkan Perkara Maksiat

Kesan Dakwah	Bilangan	Peratus
Banyak berkesan	6	12.6
Sederhana berkesan	8	16.6
Kurang berkesan	10	20.8
Tidak berkesan	12	25.0
Tidak pasti	12	25.0
Jumlah	48	100

<sup>256</sup> Normah ( nama samaran ), temubual pada 13.7.2002

<sup>257</sup> Erin ( nama samaran ), temubual pada 13.7. 2002

Berdasarkan jadual di atas, 6 orang (12.6 %) sahaja yang menyatakan dakwah telah memberi kesan kepada mereka untuk meninggalkan perkara maksiat, manakala 8 orang (16.6 %) pula, menyatakan kesan program dakwah yang dijalankan terhadap meninggalkan perkara maksiat adalah ditahap sederhana sahaja. Seramai 10 orang (20.8 %) menyatakan program dakwah yang dijalankan terhadap mereka kurang berkesan dari sudut meninggalkan perkara maksiat. Ini diperkuatkan lagi oleh 12 orang Mak Nyah muslim (25.0 %) yang menyatakan bahawa program dakwah tidak memberi kesan kepada mereka untuk meninggalkan perkara maksiat. Situasi ini menggambarkan dakwah yang dijalankan masih gagal menarik mereka dari terus melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh Allah. Ini berikutan kelemahan pendakwah menjelaskan secara mendalam tujuan Allah melarang umat Islam melakukan maksiat. Pendekatan isi yang longgar, memberi ruang kepada Mak Nyah muslim terus melakukan maksiat.

Jadual di bawah ini menunjukkan punca kurang/tidak berkesan program dakwah yang dilakukan dalam meninggalkan perkara maksiat.

**Jadual 4.2.3.2 Sebab Kurang / Tidak berkesan Dalam Meninggalkan Perkara Maksiat**

Sebab Kurang/Tidak meningkat	Bilangan	Peratus
Penguatkuasaan yang lemah	6	27.3
Pengaruh persekitaran	6	27.3
Kurang kesedaran	8	36.4
Tidak pasti	2	9.0
Jumlah	22	100

Berdasarkan jadual di atas, sebab kurang/tidak berkesannya program dakwah terhadap meninggalkan perkara maksiat di kalangan Mak Nyah muslim ialah kurangnya kesedaran dari dalam diri mereka sendiri, iaitu 36.4 %. Ini diikuti sebab penguatkuasaan yang lemah dan pengaruh persekitaran di mana masing-masing menunjukkan peratusan yang sama, iaitu 27.3 %. Keadaan ini menggambarkan sebab kurang atau tidak berkesannya dakwah terhadap meninggalkan perkara maksiat berpunca dari faktor dalaman dan luaran. Kurang kesedaran tentang besarnya kesalahan melakukan maksiat ditambah pula dengan pengaruh persekitaran yang kuat tanpa adanya penguatkuasaan mendorong Mak Nyah muslim terus melakukan sesuatu yang dilarang oleh Allah. Situasi ini menuntut semua pihak bekerjasama dalam memastikan perkara maksiat di kalangan Mak Nyah muslim dapat dibendung. Kesedaran yang kurang dari kalangan Mak Nyah muslim adalah disebabkan kegagalan pendakwah meyakinkan tentang balasan Allah terhadap hambanya yang melakukan maksiat.

Berdasarkan keterangan-keterangan di atas, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa keberkesanan dakwah terhadap Mak Nyah muslim berada ditahap rendah. Ini dapat dibuktikan melalui perangkaan jumlah tangkapan yang dilakukan oleh Bahagian Penguatkuasaan & Pendakwaan, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), iaitu 10 orang dalam tempoh sebulan di atas kesalahan lelaki berlagak perempuan dengan tujuan tidak bermoral, malah ada di kalangan mereka telah ditangkap berulangkali.<sup>258</sup> Gerakan dakwah melalui badan-badan dakwah

---

<sup>258</sup> Nik Azlan bin Nik Man, Penolong Pengarah, Bahagian Penguatkuasaan & Pendakwaan, JAWI, temubual pada 24.7.2002

dilihat masih belum berjaya menyerap masuk ke dalam masyarakat Islam yang bermasalah seperti Mak Nyah muslim dari aspek membina kefahaman, penghayatan ajaran Islam dan menghalang dari sasaran terus melakukan maksiat. Realiti ini menunjukkan masih ramai golongan umat Islam yang kehidupannya jauh dari ajaran dan amalan Islam serta masih belum menerima dakwah ke arah kebaikan.

Secara keseluruhannya, dapatlah disimpulkan bahawa Mak Nyah tidak menolak usaha dakwah yang tidak menyinggung identiti mereka dan disampaikan dengan mengambil kira masa, pengisian program serta lokasi program yang sesuai dan mudah diikutinya. Pendakwah yang dipertanggungjawabkan haruslah juga menunjukkan sikap rasional serta menyampaikan dengan gaya yang menarik.

Bagaimanapun jentera dakwah yang dipertanggungjawabkan untuk membina kefahaman masyarakat tentang Islam, mengajak untuk mengamalkan ajaran Islam dan seterusnya meninggalkan perkara maksiat masih gagal menjalankan peranannya. Kegagalan ini berpunca dari kegagalan pendakwah meyakinkan bahawa ajaran Islam mempunyai potensial, motivatif untuk mendorong, memaju dan meningkatkan kualiti kehidupan umatnya. Tambahan pula kefahaman Mak Nyah muslim yang salah dimana sering merasakan diri mereka telah kotor kerana terlalu banyak melakukan perkara yang bercanggah dengan agama lantaran merasakan amalan yang dilakukan tidak dapat diterima oleh Allah. Fahaman ini perlu ditolak dengan cara yang baik bagi mengembalikan mereka kepada amalan Islam yang menyeluruh.